



MADANI di Hati, Rakyat Disantuni:

2 Tahun Kerajaan MADANI








MADANI di Hati, Rakyat Disantuni:

2 Tahun Kerajaan MADANI





e ISBN 978-967-2167-46-4



Diterbitkan oleh:
Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)
Jabatan Perkhidmatan Awam
Kuala Lumpur
Malaysia.

Laman web: https://www.intanbk.intan.my
Tel: (603) - 2084 7777 (Talian utama)

KANDUNGAN





TITIPAN MADANI

PERDANA MENTERI

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Salam Sejahtera.

Selepas dua tahun kerajaan perpaduan mengambil alih tampuk kepimpinan negara, bayangan Malaysia MADANI yang diidamkan selama ini tampak semakin jelas. Hasil dukungan rakyat bersama dengan ketangkasan jentera kerajaan pada hari ini telah menghasilkan jumlah pelaburan dan pertumbuhan yang membanggakan. Pembudayaan mengutamakan rakyat juga terasa semakin kuat dan pemantapan tata kelola melalui penguatkuasaan serta reformasi institusi sedang berjalan dengan sepenuh kekuatan negara.

Keutamaan negara pada hari ini jelas, mendobrak segala usaha membolot kekayaan rakyat sambil mendorong keupayaan ekonomi negara dengan sepenuh kekuatan agar dapat mengangkat hidup rakyat ke suatu tahap yang lebih tinggi.

Agenda Pembangunan Malaysia MADANI adalah antara ikhtiar terpenting Kerajaan dalam memerangi rasuah yang telah menjadi penghalang kepada kemajuan negara dan telah menidakkan kekayaan buat rakyat negara ini.

Kerajaan pada hari ini juga sedar akan keperluan mendesak negara untuk membasmi kemiskinan tegar. Kendatipun begitu, usaha membasmi kemiskinan ini perlulah di laksana dengan telus bagi memastikan bantuan sampai tepat kepada golongan sasar. Namun, ini juga tidak bermakna bahawa bantuan kemiskinan itu hanya tertumpu kepada bantuan harta benda dan wang ringgit, malahan, kemiskinan akal budi, pemikiran dan cita-cita juga perlu dibasmi.

Manakala, asas ekonomi negara pada hari ini haruslah disusun semula bagi memastikan negara berada pada landasan yang terbaik untuk mengharungi keadaan ekonomi global dan geopolitik yang kian meruncing. Landasan kerangka ekonomi negara ini juga haruslah kalis cabaran masa hadapan sambil bertunjangkan prinsip tata kelola dan perbelanjaan Negara yang bertanggungjawab.

Akhirulkalam, setinggi penghargaan saya ucapkan kepada warga perkhidmatan awam yang menjadi asas penting kepada pembangunan Malaysia MADANI.

ANWAR IBRAHIM



UNTAIAN HARAPAN

KETUA SETIAUSAHA NEGARA



بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

ٱلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ ٱللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Salam Sejahtera.

Perkhidmatan awam merupakan pelopor dalam merealisasikan Malaysia MADANI yang berkehendakkan prinsip dan nilainya diterapkan oleh setiap penjawat awam bagi menangani cabaran untuk meningkatkan kecekapan penyampaian berasaskan ilmu pengetahuan komtemporari, telus dan bercirikan teknologi. YAB Perdana Menteri telah menggariskan saranan penting agar perkhidmatan awam menjalani perubahan radikal untuk meningkatkan kecemerlangan dan kecekapan dalam penyampaian perkhidmatan kepada rakyat. Beliau menyeru untuk mengatasi mentaliti bekerja secara "silo", memperbaiki kerenah birokrasi yang masih wujud, dan merombak kaedah penyampaian usang agar ia lebih dinamik, berkesan dan memenuhi aspirasi rakyat.

Sebagai penjawat awam yang setia, kita digalakkan untuk mengamalkan nilai-nilai luhur dalam akronim M.A.L.A.Y.S.I.A. yang mencerminkan sikap mesra, adil, amanah, dan penuh integriti. Nilai-nilai ini ialah teras kepada keluhuran dan kecemerlangan dalam menjalankan tugas. Reformasi perkhidmatan awam ini juga diperkukuh dengan pendekatan *Associated and Integrated Strategy*, yang menyumbang kepada pembangunan negara yang lebih inklusif dan berdaya saing di peringkat global. Inilah masa untuk kita mengangkat perkhidmatan awam ke tahap yang lebih tinggi, berusaha tanpa lelah demi mencapai matlamat Malaysia MADANI.

Buku laporan ini ialah bukti kejayaan Kerajaan MADANI di bawah kepimpinan YAB Perdana Menteri yang telah mengharungi pelbagai cabaran negara dengan penuh semangat dan keberanian. Buku ini juga ialah cerminan sokongan padu perkhidmatan awam dengan prinsip sinergi dan keterbukaan membawa prinsip islah dalam memastikan sistem penyampaian diperbaiki untuk mencapai standard negara maju dalam tempoh yang sama. Kejayaan berpaksikan rakyat ini berada di landasan yang tepat untuk membawa negara ke arah kemajuan yang lebih cemerlang dan sejahtera. Pengukuhan perkhidmatan awam ialah kunci kepada pencapaian sasaran Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara yang lebih tinggi, serta memastikan belanjawan negara yang besar dapat memberi impak positif kepada rakyat.

Marilah kita memberikan taat setia sepenuhnya, bekerja keras, dan bersemangat dalam merealisasikan cita-cita negara maju yang berlandaskan nilai MADANI.

SHAMSUL AZRI ABU BAKAR



PENDAHULUAN

Malaysia sedang melalui fasa pengukuhan perubahan yang penuh dengan harapan, iltizam dan keazaman susulan pelantikan Yang Amat Berhormat (YAB) Dato' Seri Anwar bin Ibrahim sebagai Perdana Menteri pada November 2022. Sepanjang dua tahun pentadbiran, iltizam Kerajaan untuk melonjakkan Malaysia ke arah sebuah negara yang maju dan berpendapatan tinggi terus subur di bawah agenda Malaysia MADANI.

Malaysia MADANI ialah kerangka visi baharu buat negara, satu ikhtiar nirmala yang bersepadu dan holistik bertunjangkan dasar-dasar yang berorientasikan masa hadapan untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang MADANI, maju, terampil dan terangkum. Ia merupakan kesinambungan usaha pembinaan negara bangsa Malaysia yang menjadi nilai amalan rakyat. Matlamatnya adalah untuk memartabatkan semula negara dengan fokus kepada keseimbangan Bina Kota, Bina Insan berteraskan enam (6) nilai: ke**M**ampanan, kesej**A**hteraan, **D**aya cipta, horm**A**t, keyaki**N**an dan **I**hsan. Pembinaan negara bangsa ini memerlukan perpaduan, kesepaduan dan penyatupaduan masyarakat berbilang etnik dan budaya bagi mencapai kemajuan bersama.

Malaysia MADANI meletakkan rakyat sebagai paksi yang memandu matlamat setiap ikhtiar yang diusahakan oleh Kerajaan, selari dengan tekad **MADANI di Hati, Rakyat Disantuni**. Kerangka Ekonomi MADANI menekankan kesimbangan antara pertumbuhan ekonomi (Menaikkan Siling) dan kesejahteraan rakyat (Menaikkan Lantai). Pencapaian matlamat ini disandarkan pada pemboleh-pemboleh daya yang berlunaskan pendekatan menyeluruh negara iaitu: (i) pemantapan tata kelola dengan prinsip ketelusan, akauntabiliti dan integriti; (ii) pembinaan keyakinan rakyat terhadap institusi kerajaan yang disokong dengan semangat perpaduan; dan (iii) penyampaian perkhidmatan awam yang tangkas dan kolaboratif melibatkan semua sektor, sama ada kerajaan, swasta, atau masyarakat.

Di bawah kepimpinan YAB Perdana Menteri, pelbagai usaha telah dilaksanakan dan membuahkan hasil dalam membangunkan negara, khususnya menerusi kemajuan dan perkembangan ekonomi, reformasi sosial dan pengukuhan integriti serta tadbir urus negara. Tahun pertama Kerajaan MADANI telah memperlihatkan pencapaian dari aspek asas seperti penyusunan semula struktur ekonomi, pentadbiran, dan pemantapan tata kelola.

Tahun kedua pentadbiran di bawah fasa pengukuhan perubahan, Kerajaan MADANI meletakkan fokus iltizam terhadap mempercepat pelaksanaan projek, program dan ikhtiar pembangunan, dan memastikan setiap usaha dapat menyentuh nadi dan degup jantung rakyat supaya manfaatnya dinikmati secara langsung dan saksama.

Menelusuri tahun 2024, pelbagai program pembangunan negara yang inklusif dilaksanakan dengan matlamat untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi, menambah peluang pekerjaan, menoktahkan kemiskinan tegar, memperkasakan sektor Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS), dan menyemarak pembangunan di Sabah dan Sarawak. Selain itu, Kerajaan MADANI berupaya meningkatkan daya saing negara di peringkat global yang dipacu dengan industri berteraskan digital dan inovasi. Kerajaan MADANI turut tegas dalam meningkatkan taraf dan darjat hidup rakyat termasuklah memastikan akses sejagat pendidikan dan kesihatan, penyediaan kemudahan asas bertaraf dunia, dan perlindungan sosial untuk semua enklaf masyarakat.

Tekad Kerajaan MADANI dalam memperkukuh tata kelola dan memerangi rasuah dalam pentadbiran telah berjaya menarik Pelaburan Langsung Asing (Foreign Direct Invesment - FDI), khususnya dalam bidang berteknologi tinggi seperti semikonduktor, automotif, dan teknologi digital oleh Infineon Technologies AG, Google, Microsoft dan Amazon Web Services (AWS). Disokong dengan penggubalan dasar-dasar yang jelas dan berorientasikan masa hadapan seperti Dasar Transformasi Digital, Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) dan Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030, para pelabur melihat Malaysia sebagai sebuah destinasi pelaburan yang kompetitif di peringkat global. Dasar-dasar progresif dan peningkatan FDI inilah antara pendorong utama pertumbuhan ekonomi negara.

Bagi memastikan pembangunan yang terangkum, Kerajaan MADANI telah menaikkan kadar Pemberian Khas Sabah dan Sarawak sekali ganda lagi kepada RM600 juta dalam Belanjawan 2025. Aspek pembangunan di Sabah dan Sarawak diberi perhatian khusus oleh Kerajaan MADANI yang menunjukkan keprihatinan dan tanggungjawab dalam memastikan jurang pembangunan antara negeri terus dirapatkan, khususnya yang melibatkan pembangunan prasarana asas seperti jalan raya, bekalan elektrik dan air serta kemudahan kesihatan, termasuklah memperuntukkan RM930 juta untuk membaiki sekolah-sekolah daif di Sabah dan Sarawak.

Kerajaan MADANI turut memberi penekanan terhadap Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang merupakan kunci utama dalam memastikan tenaga kerja Malaysia memiliki kemahiran yang relevan dengan kehendak semasa industri. Kerjasama dengan industri terutamanya pelabur-pelabur asing yang datang ke Malaysia bukan sahaja dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi malah dapat membuka peluang pemindahan kemahiran dalam sektor teknologi pembuatan, automotif dan kecerdasan buatan (Artificial Intelligence - AI).

Kerajaan MADANI juga kekal komited dalam usaha menoktahkan kemiskinan tegar tanpa mengira kaum. Setiap golongan dan segmen masyarakat yang memerlukan akan dihulurkan bantuan tanpa mengira latar. Meskipun majoriti penduduk miskin terdiri daripada masyarakat Melayu dan Bumiputera, namun semua kaum, termasuk Cina dan India yang terkesan, akan mendapat bantuan. Melalui Belanjawan 2025, Kerajaan MADANI menaikkan peruntukan Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) kepada RM13 bilion berbanding RM10 bilion sebelumnya, yang akan memberi manfaat kepada rakyat yang layak menerimanya.


Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada pencapaian Kerajaan MADANI di bawah pimpinan YAB Perdana Menteri Dato' Seri Anwar bin Ibrahim. Penghasilan buku – **MADANI di Hati, Rakyat Disantuni: 2 Tahun Kerajaan MADANI** ini bertujuan untuk memaparkan usaha-usaha dan pencapaian di bawah pentadbiran Kerajaan MADANI. Inisiatif-inisiatif dan pencapaian tersebut dicerakinkan kepada lima segmen: (i) Ekonomi dan Perdagangan Antarabangsa; (ii) Pembangunan Sosial; (iii) Keselamatan, Kedaulatan dan Hubungan Diplomatik; (iv) Infrastruktur; dan (v) Reformasi Institusi dan Perkhidmatan Awam.

Keutamaan diberikan terhadap ikhtiar-ikhtiar strategik Kerajaan MADANI dalam aspek penstrukturan ekonomi, langkah-langkah fiskal dan program-program bersasar yang telah meningkatkan pembangunan negara dan taraf hidup rakyat. Selain itu, ikhtiar-ikhtiar terpilih berkaitan pembangunan sosial yang menyumbang ke arah peningkatan sumber pendapatan, pemantapan perlindungan sosial dan penjagaan kebajikan turut diperjelaskan. Naskah ini juga mendokumentasikan ikhtiar-ikhtiar berkaitan pengukuhan keselamatan negara, kerjasama strategik antarabangsa, penyediaan infrastruktur berkualiti yang berpaksikan rakyat dan pemantapan tadbir urus serta kecekapan institusi yang menyumbang ke arah menjadikan Malaysia sebagai negara maju dan limpahan kemakmurannya dapat dirasai oleh segenap lapisan masyarakat.



PENCAPAIAN SEPINTAS LALU
INDIKATOR TERPILIH

Seusai tempoh dua tahun, Kerajaan MADANI berjaya meningkatkan daya tahan ekonomi negara kendatipun bergelumang dengan cabaran luaran, mengukuhkan kedudukan perdagangan antarabangsa dan meningkatkan kesejahteraan rakyat. Pelbagai pendekatan strategik telah dilaksanakan bagi memastikan pertumbuhan ekonomi kekal berada di landasan positif.





Kerajaan MADANI melalui Kerangka Ekonomi MADANI telah mengorak langkah signifikan dalam memperkukuh daya tahan ekonomi negara dan meningkatkan kedudukan negara dalam perdagangan global. Kerajaan MADANI telah memulakan pelbagai pembaharuan di bawah Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP) untuk mengurangkan pergantungan kepada sektor tradisional dan meningkatkan industri berasaskan teknologi terkini, tenaga boleh diperbaharui dan digitalisasi.

Segmen ini memaparkan inisiatif strategik dalam merancakkan kegiatan ekonomi negara, aktiviti perdagangan antarabangsa serta menarik pelaburan asing dan domestik bernilai tinggi. Jumlah dagangan bagi sembilan bulan pertama 2024 mencapai RM2.1 trilion, melepasi nilai berbanding tahun sebelumnya. Manakala negara telah berjaya meluluskan pelaburan sebanyak RM160 bilion untuk separuh tahun pertama. Wewenang untuk meningkatkan disiplin fiskal diteruskan dengan memperkenalkan penyasaran subsidi diesel. Manakala Dasar Gaji Progresif (DGP) juga diperkenalkan untuk memastikan kadar upah pekerja sepadan dengan produktiviti mereka bagi mengukuhkan pasaran buruh. Inisiatif ini telah merealisasikan hasrat Kerajaan MADANI dalam memupuk pertumbuhan ekonomi mampan dan meletakkan Malaysia sebagai antara pemain utama ekonomi global.











EKONOMI DAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA

MISI PERDAGANGAN DAN PELABURAN

Sehingga November 2024, misi perdagangan dan pelaburan serta lawatan rasmi telah diadakan ke beberapa negara termasuk Singapura, Itali, Australia, Jerman, Perancis, Jepun, India, China, Brazil, Peru dan Emiriah Arab Bersatu.



Pelaburan Berimpak Tinggi

Sehingga Jun 2024, Malaysia telah mencatatkan pelaburan digital berjumlah RM185.3 bilion yang akan mewujudkan 64,479 peluang pekerjaan baharu. Jumlah ini melepasi sasaran kerajaan untuk mencapai jumlah pelaburan sebanyak RM130 bilion menjelang tahun 2025. Di antara projek yang diluluskan:

Microsoft

Pelaburan ini bertujuan untuk membangunkan sistem dan infrastruktur awan (cloud) serta kecerdasan buatan (AI) dengan komitmen pelaburan bernilai RM10.5 bilion. Microsoft juga merancang untuk menubuhkan Pusat Kecemerlangan AI Nasional di Malaysia.









YTL DAN NVIDIA

Pelaburan ini akan digunakan untuk membangunkan pusat data AI dan infrastruktur superkomputer di Kulai, Johor sebagai hab teknologi serantau dengan komitmen pelaburan bernilai RM20 bilion.





Google

Pelaburan untuk pembinaan pusat data dan wilayah awan (cloud region) pertama mereka di Malaysia dengan pelaburan bernilai RM9.4 bilion.

Oracle

Pelaburan ini bertujuan untuk membangun dan memperluaskan infrastruktur wilayah awan (cloud region) di Malaysia, yang dijangka akan meningkatkan kapasiti teknologi awan negara dengan komitmen pelaburan sebanyak RM27 bilion.

ORACLE®



Amazon Web Services (AWS)

Pelaburan untuk membangunkan pusat data dan awan dengan komitmen pelaburan bernilai RM21.3 bilion.



Pencapaian

Prestasi pelaburan Malaysia bagi tempoh Januari sehingga Jun 2024 telah menarik pelaburan yang diluluskan sebanyak RM160.0 bilion, peningkatan sebanyak 18% berbanding dengan RM135.6 bilion pelaburan yang diluluskan dalam tempoh yang sama tahun lepas dengan pecahan seperti berikut:

- Pelaburan Domestik (*Direct Investment*) menyumbang 53.4% atau RM85.4 bilion; dan
- Pelaburan Asing (*Foreign Investment*) menyumbang 46.6% atau RM74.6 bilion.

Dianggarkan 79,187 peluang pekerjaan baharu akan diwujudkan daripada 2,948 projek yang diluluskan, masing-masing melonjak sebanyak 49.3% dan 11.0% dari tahun ke tahun.



SUMBANGAN TUNAI RAHMAH (STR)

Bantuan tunai langsung secara berkala kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana yang berkelayakan diperkenalkan oleh Kerajaan MADANI bagi mendepani cabaran kos sara hidup. Inisiatif ini bertujuan meningkatkan kesejahteraan rakyat dengan mengutamakan keterangkuman sosial dan keadilan ekonomi.

Melalui penjimatan hasil daripada pelaksanaan penyasaran semula subsidi, peruntukan STR untuk tahun 2024 meningkat kepada RM10 bilion berbanding dengan RM8 bilion pada tahun sebelumnya. Bayaran STR dilaksanakan empat (4) kali setahun, manakala permohonan dibuka sepanjang tahun bagi memastikan penyaluran secara berterusan.

Pencapaian

Pemberian STR memanfaatkan sembilan (9) juta penerima golongan B40 atau 60% penduduk dewasa Malaysia.



SUMBANGAN ASAS RAHMAH (SARA)

Pemberian tambahan STR melalui SARA dibuat khusus untuk memastikan penerima yang layak memanfaatkan wang bantuan bagi mendapatkan barangan keperluan asas (seperti beras, tepung, ubat-ubatan dan pakaian sekolah) pada harga yang lebih berpatutan di 600 kedai runcit/pasar raya terpilih demi kelangsungan hidup.



SUMBANGAN ASAS RAHMAH

Pembelian barang keperluan asas di 600 kedai runcit dan pasar raya yang mengambil bahagian

RM150/RM300 (melalui Akaun Bank Didaftarkan)

7.7 juta penerima
Bukan Miskin
Miskin Tegar

RM 50/RM100 (setiap bulan melalui MyKad)

700 ribu penerima
Miskin
Miskin Tegar (eKasih)

BUDI MADANI

Kerajaan MADANI melaksanakan rasionalisasi subsidi secara berperingkat sebagai usaha meningkatkan kecekapan dalam perbelanjaan. Penyasaran dibuat dengan memberi tumpuan kepada golongan yang benar-benar memerlukan termasuk sektor strategik untuk mengekalkan kos operasi yang rendah dan kuasa membeli pengguna. Tiga (3) kategori penerima ialah Budi MySubsidi Diesel (pengangkutan darat), Budi Agri-Komoditi (Petani dan Pekebun Kecil) dan Budi Individu (Individu).

Dalam hal ini, harga diesel bersubsidi digantikan dengan Mekanisme Harga Automatik dan program BUDI MADANI diperkenalkan. Inisiatif ini diharapkan dapat mengurangkan beban kewangan kerajaan dalam menampung subsidi bahan api serta membantu menstabilkan ekonomi negara.

Pencapaian

Dalam tempoh lima (5) bulan pelaksanaan sejak diperkenalkan pada Jun 2024, seramai 137,000 penerima BUDI Individu dan 73,000 penerima BUDI Agri-Komoditi diluluskan dengan jumlah bayaran disalurkan sebanyak RM160 juta.

Selain itu, sebanyak 108,184 syarikat melibatkan 295,724 kenderaan pengangkutan darat awam dan barangan telah memohon BUDI MySubsidi Diesel.

Sejak penyasaran semula subsidi diesel 10 Jun 2024, perbelanjaan subsidi diesel mengalami penurunan secara drastik iaitu RM603 juta pada bulan Ogos 2024 ketimbang jumlah perbelanjaan sebelum penyasaran subsidi diesel dilaksanakan iaitu RM1,245 juta pada bulan Mei 2024.





INISIATIF PENDAPATAN RAKYAT (IPR)

Memfokuskan strategi serampang dua mata untuk menambah pendapatan keluarga miskin tegar dan B40. IPR telah dilancarkan pada tahun 2023 dan pelaksanaannya diperluas lagi dengan peruntukan berjumlah RM500 juta pada tahun 2024.

Pencapaian

Sehingga November 2024, lebih 4,615 orang daripada golongan B40, miskin, miskin tegar telah mengikuti program tersebut dengan jumlah perbelanjaan keseluruhan sebanyak RM337 juta. Perincian data adalah seperti yang berikut:

"Melalui bantuan Program IPR-IHSAN saya mampu meraih purata jualan harian antara RM90-RM400. Pelaksanaan Program IPR-IHSAN membantu saya memasarkan produk makanan tanpa perlu berhadapan dengan kesukaran mendapatkan permit dan tapak perniagan."

Encik Hazizul-Peserta IPR-IHSAN di UiTM Bukit Besi, Dungun.



211 orang — **Inisiatif Usahawan Makanan** — IPR-INSAN

890 peserta — **Inisiatif Operator Perkhidmatan** — IPR-IKHSAN

1,550 peserta — **Inisiatif Usahawan Tani** — IPR-INTAN

1,964 peserta — **Basmi Miskin Tegar** — IPR-BMT

Imbas QR untuk memohon



IPR

DASAR GAJI PROGRESIF (DGP)

Mereformasi pasaran buruh dengan matlamat untuk meningkatkan pendapatan pekerja selari dengan peningkatan produktiviti bagi mencapai pengagihan pendapatan yang lebih seimbang. Pengenalan dasar ini ialah pelengkap kepada inisiatif gaji sedia ada iaitu Perintah Gaji Minimum, Sistem Upah yang dikaitkan dengan *Productivity Linked-Wage System* - PLWS dan Instrumen Perundingan Kolektif.



Pencapaian

Sehingga Ogos 2024, seramai 1,822 majikan telah membuka akaun menerusi Sistem Gaji Progresif dan daripada jumlah tersebut seramai 756 majikan telah mengemukakan permohonan untuk menyertai Projek Rintis DGP.

Sehingga kini, Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) dengan kerjasama Kementerian Ekonomi (KE) dan agensi lain seperti Jabatan Tenaga Kerja (JTK), Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS) telah mengadakan 34 sesi libat urus yang melibatkan wakil majikan dan pekerja. Berdasarkan sesi libat urus tersebut, didapati majoriti pihak majikan dan pekerja memberikan maklum balas yang positif terhadap pelaksanaan DGP.

JUMLAH INSENTIF

maksimum **RM200**	maksimum **RM300**
Pekerja peringkat permulaan	**Pekerja bukan peringkat permulaan**

PERINTAH GAJI MINIMUM

Pengenalan

Malaysia telah melaksanakan Dasar Gaji Minimum bermula tahun 2011 apabila Akta Majlis Perundingan Gaji Negara [Akta 732] digubal. Perintah Gaji Minimum (PGM) pertama telah diwartakan pada tahun 2012. Sehingga kini terdapat enam (6) PGM dan yang terkini adalah PGM 2024. Proses penetapan gaji minimum adalah melalui Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN) yang ditubuhkan di bawah Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 [Akta 732].

Pencapaian

- Memastikan keperluan asas pekerja dan keluarga mereka dapat dipenuhi.
- Memberikan perlindungan sosial yang mencukupi kepada pekerja-pekerja.
- Menggalakkan industri untuk meningkatkan rantaian pengeluaran dengan melabur dalam teknologi bagi meningkatkan produktiviti buruh.
- Mengurangkan kebergantungan negara kepada pekerja asing tidak mahir.

Pemakaian Gaji Minimum

PGM terpakai kepada semua pekerja termasuk pekerja bukan warganegara di sektor swasta kecuali pekhidmat domestik dan kontrak perantisan.

Kesan Positif Gaji Minimum

- Peningkatan KDNK dan penengah gaji.
- Peningkatan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).
- Meningkatkan motivasi pekerja dan produktiviti syarikat.



Tarikh Kuatkuasa Gaji Minimum

Pada 1 Februari 2025, pelaksanaan gaji minimum RM1,700 sebulan kepada:

- majikan yang mengambil lima (5) orang pekerja atau lebih; dan
- majikan yang menjalankan suatu aktiviti profesional tanpa mengira bilangan pekerja yang digajikan oleh majikan tersebut.

Pada 1 Ogos 2025, pelaksanaan gaji minimum RM1,700 sebulan kepada semua majikan yang menggajikan pekerja (tempoh penangguhan majikan yang menggajikan kurang daripada lima orang pekerja telah tamat).





PELAN INDUK PERINDUSTRIAN BAHARU 2030 (NIMP 2030)

Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) merupakan dasar nasional bagi sektor pembuatan dan perkhidmatan yang bertujuan menjadikan Malaysia sebagai negara peneraju dalam sektor perindustrian menerusi empat misi iaitu:



Inisiatif Baharu 2024:

- Pra-penilaian bagi program *Smart Tech Up*;
- Pembangunan Kenderaan Elektrik (EV) (Menjelang Suku Keempat 2025); dan
- Projek Rintis Pemerangkapan, Penggunaan dan Penyimpanan karbon (CCUS) bagi sektor industri besi dan simen.

Pencapaian

Dalam tempoh pelaksanaan sehingga kini, nilai tambah KDNK bagi sektor pembuatan telah meningkat sebanyak 4.7% (RM4.2 bilion) pada Suku Kedua 2024 berbanding dengan tempoh yang sama pada 2023. Jumlah pekerjaan telah meningkat sebanyak 0.9% (200,000 pekerjaan) pada Suku Kedua 2024 berbanding dengan tempoh yang sama pada 2023. Gaji median meningkat sebanyak 5.6% ke RM2,745 pada Suku Kedua 2024 berbanding dengan tempoh yang sama pada 2023.

Sehingga Jun 2024, sektor semikonduktor menerusi Strategi Semikonduktor Nasional (SSN) telah berjaya menarik pelaburan sebanyak RM34 bilion melibatkan 22 projek. Sektor produk kimia dan petrokimia merekodkan pelaburan RM3.1 bilion antara Januari-Ogos 2024, berbanding dengan RM1.7 bilion dalam tempoh yang sama pada 2023. Pelaburan digital untuk setengah tahun pertama 2024 mencatatkan nilai RM40.6 bilion.



KERIAN *INTEGRATED GREEN INDUSTRIAL PARK* (KIGIP)





Kerian Integrated Green Industrial Park (KIGIP) berkonsepkan Taman Perindustrian 'Hijau dan Pintar' (Green and Smart). Majlis Peluncuran Pelan Induk KIGIP telah disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri pada 15 Jun 2024, disusuli dengan Majlis Pecah Tanah bagi pembangunan Fasa Pertama pada 30 Ogos 2024. KIGIP akan melengkapi limpahan permintaan selaras dengan kepesatan industri di wilayah utara, terutamanya di Pulau Pinang dan Kedah. KIGIP juga berupaya memberi sumbangan besar kepada pembangunan ekonomi negara, berteraskan cadangan nilai (value-proposition) yang tersendiri yang bukannya bersifat bersaing, tetapi saling melengkapi taman-taman industri sedia ada di persekitarannya.

SKIM PEMBIAYAAN TEKUN (BUMIPUTERA)

Kemudahan pembiayaan tanpa cagaran sehingga nilai maksimum RM100,000 kepada usahawan dan peniaga mikro. Sasaran 40,000 usahawan Bumiputera yang terdiri daripada usahawan B40, wanita, mikro dan kontraktor kecil. Sehingga Oktober 2024, 32,790 usahawan Bumiputera telah berjaya mendapat kemudahan ini.



Pn. Siti Saleha binti Idris
Bakeri (kek dan biskut)
Shah Alam, Selangor

"Memulakan perniagaan daripada rumah dengan mempelajari kaedah pembuatan kek daripada Youtube".

Penerima Anugerah Wanita Cemerlang Nona dan Safi Rania Gold
Anugerah Usahawan TEKUN Nasional
Ikon Usahawan Muda dan Mentor
Program Wanita Cukup Berani 2020-2023 Maggi, Malaysia

Pn. Zainab binti Othman dan En. Mohd Rastam bin Mohamad
Perusahaan batik
Kuala Terengganu, Terengganu

"Bantuan pembiayaan sebanyak RM70,000 daripada TEKUN Nasional digunakan untuk belian bahan/kain batik dan peralatan. Banyak menerima tempahan daripada agensi korporat dan pelanggan tetap daripada golongan kenamaan".



JUALAN MADANI KOPERASI (JMK)
JUALAN MADANI KOPERASI DAN USAHAWAN (JMKU)

Program ini bertujuan menyokong koperasi dan usahawan tempatan serta meringankan beban kos sara hidup rakyat terutamanya golongan B40 dan M40. Melalui program ini, jualan pelbagai barangan keperluan asas dan produk koperasi ditawarkan pada harga berpatutan di lokasi tertentu. 50 koperasi dilantik sebagai operator jualan diluluskan insentif untuk menjual barangan asas pada kadar diskaun sehingga 20%.



Program ini berkait rapat dengan prinsip Malaysia MADANI, yang menumpukan kepada inklusiviti, pembangunan komuniti, dan peningkatan kesejahteraan rakyat. Dengan memperkasakan koperasi, program ini bukan sahaja menggalakkan keusahawanan tempatan tetapi juga menyokong kestabilan ekonomi dan sosial di seluruh negara.



Pencapaian

109 — Program Jualan: Diadakan di 20 kawasan parlimen

RM9.92 juta — Rekod Jualan: Disertai oleh 300 operator koperasi

243,083 — Penerima manfaat: Terdiri daripada golongan B40 dan M40

RM2.56 juta — Jumlah Penjimatan: Harga barangan keseluruhan

JUALAN AGRO MADANI

Pemberdayaan pemasaran agromakanan melalui Program Jualan Agro MADANI iaitu satu program kos rendah, impak tinggi (Low Cost High Impact) berteraskan penjimatan dan pengurangan kos sara hidup rakyat. Inisiatif untuk meningkatkan akses dan ketersediaan bekalan meliputi produk segar, barang kawalan dan produk keperluan asas terpilih dan promosi kombo MADANI.

Program ini menyasarkan manfaat kepada isi rumah, terutamanya golongan B40, dengan menyediakan akses kepada produk pertanian segar, yang dijual 10-30% lebih murah daripada harga pasaran. Melalui lebih 5,000 lokasi di seluruh Malaysia, program ini membantu mengurangkan kos sara hidup dan menyokong keterjaminan makanan.

Selain mengurangkan kos, program ini turut membantu pengeluar tempatan dengan menyediakan saluran pemasaran terus kepada pengguna, sekaligus menyokong ekonomi pertanian tempatan. Inisiatif Jualan Agro MADANI ini bukan sahaja memenuhi keperluan asas, tetapi juga memperkukuh ekonomi dan sosial, selaras dengan nilai-nilai MADANI yang memberi tumpuan kepada pembangunan yang holistik dan seimbang.



12,470 program



RM 246.63 juta nilai jualan



160,999 usahawan



6.9 juta pengunjung



25.75 juta isi rumah bermanfaat









PROGRAM JUALAN RAHMAH MADANI

Jualan Rahmah MADANI di bawah Inisiatif Payung Rahmah adalah program jualan barangan keperluan harian pada harga yang lebih rendah, 10% hingga 30% berbanding harga pasaran. Keunikan program ini ialah pelaksanaannya secara bergerak, merangkumi kawasan luar bandar dan pedalaman untuk memudahkan akses kepada rakyat.

Pencapaian

Membantu rakyat dalam meringankan cabaran kenaikan kos sara hidup yang dihadapi oleh rakyat sekaligus menyumbang kepada kestabilan ekonomi masyarakat setempat. Sehingga kini, Program Jualan Rahmah MADANI telah dilaksanakan di 9,665 lokasi seluruh negara dengan kehadiran penerima manfaat seramai 8.5 juta orang.

PROGRAM PENGEDARAN BARANG PERLU

Program Pengedaran Barang Perlu adalah inisiatif yang dijalankan untuk memastikan akses barangan keperluan (seperti beras putih, minyak masak paket 1 kg bersubsidi, gula putih, tepung gandum, LPG) pada harga terkawal di kawasan pedalaman dan luar bandar. Melalui program ini, barangan asas dibawa ke kawasan yang terhad aksesnya menggunakan khidmat syarikat penghantaran yang dilantik oleh kerajaan.

Ia bertujuan meringankan kos sara hidup penduduk dilokasi terpencil. Program ini seterusnya menyumbang kepada pembangunan berteraskan kesejahteraan, keadilan, inklusiviti ekonomi dan keberdayaan masyarakat selaras dengan prinsip MADANI.

Pencapaian

Melibatkan 854 kawasan pengedaran terpilih yang memanfaatkan sejumlah 1.167 juta orang penduduk bagi mendapatkan akses kepada barangan asas pada harga berpatutan.





PROGRAM PELAKSANAAN PENSIJILAN MSPO UNTUK PEKEBUN KECIL PERSENDIRIAN (MEMPERKASA SKIM PENSIJILAN MSPO)

Program Pensijilan MSPO diperkenalkan untuk memastikan industri kelapa sawit mengamalkan prinsip kelestarian dan mematuhi standard antarabangsa. Pematuhan ini bagi menjamin pengurusan kebun sawit yang baik, meningkatkan produktiviti serta jaminan sawit yang dikeluarkan adalah mampan dan berkualiti. Ia bertujuan memenuhi permintaan pasaran global terhadap produk sawit, melindungi alam sekitar, dan mengukuhkan daya saing sawit Malaysia di peringkat antarabangsa.

Melalui program ini, kerajaan menyediakan bantuan kewangan penuh untuk melaksanakan pensijilan ini, termasuk kos latihan, audit, dan penyediaan peralatan pelindung diri kepada pekebun kecil persendirian. Program ini disasarkan kepada pekebun kecil persendirian yang memiliki tanaman sawit kurang daripada 100 ekar (40.46 hektar).

Pelaksanaan MSPO mencerminkan prinsip kelestarian dalam kerangka MADANI yang menekankan keperluan menjaga alam sekitar melalui kaedah perladangan yang mampan dan bertanggungjawab. Ia juga menyokong kesejahteraan sosial dengan membantu pekebun kecil meningkatkan pendapatan mereka melalui akses ke pasaran yang lebih luas dan pengiktirafan global.



"Saya telah menerima papan tanda kebun sebagai pengesahan kebun saya telah mematuhi pensijilan MSPO. Saya juga ada menerima satu unit rak penyimpanan bahan kimia dan juga satu set PPE untuk melindungi saya semasa menguruskan kebun"

Encik Khor Chin Kang
(Pekebun kecil sawit persendirian)

Pencapaian

Sehingga September 2024, jumlah keluasan yang telah dipersijilkan dengan MSPO untuk pekebun kecil persendirian adalah 626,321 hektar.



PENJANAAN PELABURAN HIJAU MELALUI: *GREEN INCENTIVE TAX ALLOWANCE* (GITA) DAN *GREEN TECHNOLOGY FINANCING SCHEME* (GTFS)

Inisiatif ini merangsang pertumbuhan pasaran yang dilaksanakan melalui penggalakan pelaburan dalam teknologi hijau dan projek mesra alam. Penggalakan pelaburan diberikan oleh kerajaan melalui:

- Penyediaan insentif cukai kepada pelbagai sektor; dan
- Penyediaan jaminan kerajaan dan rebat pinjaman untuk syarikat yang layak membuat pinjaman projek hijau.



Pencapaian:

RM1.46 billion
GITA = 1,490,460.3 tCO2eq
GTFS = 812,903.24 tCO2eq



Pelaburan ini bertujuan meningkatkan permintaan produk, perkhidmatan dan teknologi hijau tempatan. Kedua-dua inisiatif ini menyokong inisiatif negara untuk mengurangkan jejak karbon dan menggalakkan kelestarian alam sekitar yang seterusnya dapat meningkatkan daya saing industri, mengurangkan impak perubahan iklim serta menyokong matlamat negara untuk pembangunan mampan.

PROGRAM PENGUKUHAN KETERJAMINAN MAKANAN

Pelaksanaan program bersama kerajaan negeri ini bertujuan membangunkan dan mengoptimumkan penggunaan tanah bagi meningkatkan hasil produk agromakanan negara serta menyumbang ke arah peningkatan nilai kadar sara diri (SSR) yang disasarkan dalam Dasar Agromakanan Negara 2.0 (DAN 2.0).



Pencapaian

Sehingga Oktober 2024, 83 projek di 13 buah negeri telah dilaksanakan.


FASILITASI PELABURAN UNTUK EKONOMI DIGITAL

Fasilitasi pelaburan untuk ekonomi digital bertujuan mempercepat transformasi digital negara dan menarik lebih banyak pelaburan asing yang berkualiti dalam sektor teknologi dan digital. Inisiatif ini melibatkan kerjasama antara kerajaan dan agensi seperti Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), yang menyediakan sokongan kepada pelabur iaitu syarikat multinasional dan syarikat teknologi melalui pelbagai insentif dan kemudahan.

Fokus utama adalah memperkukuh penggunaan teknologi canggih seperti kecerdasan buatan (AI), data raya (big data), dan internet benda (IoT) dalam perniagaan. Dengan adanya pelbagai dasar dan program seperti MyDigital dan inisiatif 4IR (Industri 4.0), kerajaan berusaha untuk mencipta persekitaran yang kondusif bagi pelabur digital. Inisiatif ini seterusnya meningkatkan pelaburan langsung asing (FDI) dan pelaburan langsung domestik (DDI) di Malaysia serta mempercepatkan pertumbuhan industri teknologi baharu.

Pencapaian

Melalui kempen pelaburan dan pemasaran bagi meletakkan Malaysia sebagai hab digital ASEAN dan penjenamaan kempen digital pelaburan Program Pembangunan Komuniti Industri Ekonomi Digital Tempatan, sebanyak RM141.72 bilion pelaburan digital telah diluluskan sehingga September 2024.





PROGRAM PENERIMAGUNAAN E-DAGANG

Program penerimagunaan e-dagang bertujuan meningkatkan keberkesanan dan pengetahuan kepada usahawan dalam menjalankan perniagaan secara dalam talian. Melalui inisiatif ini, latihan diberikan kepada siswa dan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) mengenai pengurusan perniagaan, pemasaran digital dan penggunaan platform e-dagang.

Program pembangunan komuniti dan penerimagunaan e-dagang dilaksanakan bagi menyokong pembangunan kemahiran keusahawanan digital serta meningkatkan tahap ketersediaan dan keupayaan PMKS tempatan untuk menembusi pasaran eksport melalui e-dagang.

Pencapaian

Sehingga September 2024.

- Seramai 44,266 peserta yang mengikuti latihan keusahawanan digital dan e-dagang.
- RM88.63 juta Nilai Dagangan Kasar (GMV) domestik dan eksport e-dagang.







SYARIKAT JAMINAN PEMBIAYAAN PERNIAGAAN (SJPP)

Menerusi penubuhan entiti khas, iaitu SJPP, kerajaan dapat membantu pemilik perniagaan terutama PKS dalam mengurangkan kekangan memperoleh pembiayaan daripada institusi kewangan di samping mengurangkan risiko yang ditanggung oleh pemberi pinjaman.



Imbas untuk maklumat lanjut




SJPP

Pencapaian

Sehingga Oktober 2024, SJPP telah meluluskan jaminan kerajaan untuk pembiayaan berjumlah RM34.13 bilion daripada jumlah keseluruhan RM40 bilion kepada 34,222 pembiayaan yang diambil oleh PKS seluruh negara.

PROGRAM PEMERKASAAN EKONOMI BANDAR (PEKB)

Program ini bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan ekonomi golongan B40 di kawasan bandar. PEKB memberi fokus kepada latihan keusahawanan merangkumi kemahiran teknikal dan bimbingan, penyediaan peralatan perniagaan, dan pemantauan oleh Badan Bukan Kerajaan (NGO) kepada kumpulan sasar yang berdaftar dalam sistem eKasih agar mereka mampu mengusahakan perniagaan yang berdaya saing bagi menjana pendapatan yang lebih tinggi seterusnya meningkatkan kualiti hidup.



Inisiatif ini sejajar dengan prinsip MADANI, khususnya dalam membangunkan masyarakat inklusif dan memperkasa ekonomi rakyat bandar melalui peluang perniagaan. Hal ini juga membantu mengurangkan jurang ekonomi dan meningkatkan kualiti hidup komuniti bandar secara lestari.

Pencapaian

- Seramai 672 peserta telah berjaya dilatih.
- Sehingga Oktober 2024, 420 orang peserta iaitu 62.5% telah berjaya menjana pendapatan sekurang-kurangnya RM750 sebanyak 3 kali.





KELESTARIAN SUMBER KERANG

Program pemeliharaan dan pengurusan sumber kerang di Perak bertujuan memastikan kelestarian sumber marin dan menyokong ekonomi komuniti setempat bagi menoktahkan kemiskinan tegar. Projek ini merupakan salah satu inisiatif utama Kerajaan Negeri melibatkan penyertaan seramai 120 peserta kebun kerang dan 162 penternak kerang di bawah seliaan dan pemantauan Jabatan Perikanan Malaysia Negeri Perak. Penaburan induk kerang di perairan laut Lekir bertujuan menggalakkan pembiakan kerang bagi meningkatkan stok benih kerang di sepanjang kawasan pantai di Lekir yang merupakan pusat pengeluaran utama benih kerang di negeri Perak.

Inisiatif ini melibatkan inventori sumber perikanan di Sungai Perak dan pelepasan benih ikan asli, yang turut memelihara biodiversiti ekosistem perairan. Projek ini melestarikan alam sekitar dan memperkukuh peluang ekonomi untuk komuniti terlibat melalui program seperti Fiesta Ikan Perak 2024.

Pencapaian

Pada tahun 2024, Perak mencatatkan pengeluaran kerang tertinggi di Malaysia, sebanyak 14,469 tan metrik.





PROGRAM TABUNG USAHAWAN

Program Tabung Usahawan Negeri Sembilan (TUNS) adalah inisiatif Kerajaan Negeri Sembilan yang bertujuan membantu penjaja dan peniaga kecil, khususnya usahawan mikro. Program ini menyediakan pembiayaan dalam bentuk geran hingga RM3,000 bagi membantu pengembangan perniagaan kecil serta meningkatkan taraf hidup usahawan tempatan.

Matlamat program adalah meningkatkan pertumbuhan usahawan, perkembangan perniagaan dan merangsang ekonomi negeri dengan membuka peluang pekerjaan yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi secara keseluruhan. Dengan pendekatan yang menyeluruh, TUNS tidak hanya meningkatkan taraf hidup rakyat tetapi juga menyokong prinsip-prinsip MADANI, khususnya dalam aspek keterangkuman sosial, ekonomi mampan dan ihsan.

Pencapaian

Seramai 1,543 orang telah menerima pembiayaan bagi tahun 2023 dan 2024.



KULAI FAST LANE (KFL)

Kulai Fast Lane (KFL) di Johor adalah inisiatif pembinaan secara ekspres yang dijangka mampu memendekkan tempoh masa memproses dokumentasi daripada permohonan Kebenaran Merancang (KM) hingga mendapat Sijil Penyiapan dan Pematuhan (CCC) serta lesen untuk memulakan operasi. Inisiatif KFL ini melibatkan tindakan penambahbaikan proses kelulusan pembinaan terutamanya industri dengan lebih pantas sebagai faktor utama yang akan menarik lebih ramai pelabur ke Kulai.

Pencapaian

Dengan pelaburan sebanyak RM52 bilion bersamaan 38 projek, inisiatif ini telah berjaya:

- Mengurangkan tempoh pembinaan bangunan industri daripada 24 bulan kepada hanya 14 bulan;
- Meningkatkan pelaburan kepada RM40.7 bilion (peningkatan sebanyak 171%);
- Menambahkan peluang pekerjaan berkemahiran tinggi kepada 7,000 (peningkatan sebanyak 112%); dan
- Meningkatkan hasil Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) kepada RM161 juta (peningkatan 40%).



KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, Kerajaan MADANI melalui Kerangka Ekonomi MADANI telah menetapkan hala tuju strategik untuk memastikan kelestarian dan daya saing ekonomi negara. Dengan penekanan kepada pengukuhan struktur ekonomi dan pelaksanaan inisiatif-inisiatif seperti NIMP 2030, NETR, penyasaran subsidi, serta Dasar Gaji Progresif, Malaysia berada di landasan yang kukuh untuk menghadapi cabaran masa hadapan. Ikhtiar ini bukan sahaja meningkatkan daya saing negara, malah juga memberi fokus kepada kesejahteraan rakyat dan pertumbuhan ekonomi yang inklusif dan mampan.

Walhasil, pendekatan konsep MADANI yang diterapkan dalam ekonomi negara akan memastikan pembangunan lebih mampan, terangkum dan berdaya saing. Pelaksanaan dasar yang menumpukan kepada kesejahteraan rakyat dan keadilan sosial akan memastikan negara mencapai kemakmuran yang lebih seimbang. Penstrukturan semula ekonomi ini membolehkan rakyat menikmati peluang ekonomi yang lebih luas. Ini turut meletakkan negara di landasan yang lebih kukuh dalam menghadapi cabaran global yang semakin kompleks. Semoga dengan usaha dan kerjasama semua pihak, kita dapat mewujudkan sebuah Malaysia yang lebih sejahtera dan berjaya. Pemerkasaan konsep *Whole-of-Government* dalam mendukung konsep MADANI akan mewujudkan Malaysia yang dinamik, makmur dan berdaya tahan.

Objektif Pembangunan Sosial berdasarkan nilai MADANI adalah mewujudkan sebuah masyarakat yang adil, sejahtera dan inklusif melalui pendekatan yang memberi keutamaan kepada kesejahteraan rakyat, keadilan sosial dan pemerkasaan komuniti.

Di dalam segmen ini terdapat inisiatif terpilih yang memberikan impak positif kepada kesejahteraan sosial meliputi pendidikan, kesihatan, keadilan sosial dan keterangkuman. Inisiatif ini boleh mengurangkan jurang sosioekonomi antara bandar dan luar bandar, kesenjangan antara kaum dalam pemilikan aset dan peluang ekonomi serta mengatasi isu belia seperti pengangguran dan kekurangan akses kepada pendidikan berkualiti.

Semua program ini berpaksikan kesaksamaan gender, pemerkasaan belia dan keadilan sosial, bertujuan untuk mewujudkan masyarakat yang lebih saksama tanpa mengira latar belakang. Contohnya, Program Elaun Sara Hidup Nelayan merupakan kerjasama kerajaan dengan Agrobank untuk menyediakan bantuan kewangan bagi mengurangkan kos sara hidup golongan tersebut. Program memperkasakan TVET Teknopreneur pula bertujuan untuk membangunkan usahawan dalam kalangan pelajar. Kesimpulannya, program pembangunan sosial yang telah dilaksanakan selama dua (2) tahun Kerajaan MADANI telah memberi impak kepada kumpulan sasaran.

PEMBANGUNAN SOSIAL











PROGRAM SANTUNI MADANI (SATU PEMIMPIN SATU KAMPUNG)

Program ini merupakan satu kaedah meningkatkan potensi kampung dan keupayaan masyarakat melalui pemantauan secara langsung serta libat urus bagi mengenal pasti masalah sosioekonomi dan keperluan penduduk di kampung tersebut.

Pemimpin Santuni MADANI terdiri daripada Ahli Jemaah Menteri, Timbalan Menteri, Ketua Setiausaha Kementerian, Ketua Jabatan, Ketua Agensi Persekutuan, Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Badan-badan Berkanun, Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) Persekutuan. Portal Santuni MADANI telah dibangunkan bagi menerangkan pelaksanaan Santuni MADANI dan memaparkan senarai terkini pemimpin dan kampung untuk pemakluman masyarakat awam.

Pencapaian

Sehingga 15 November 2024, seramai 403 pemimpin telah mendaftarkan kampung masing-masing dan sebanyak 716 isu sosioekonomi telah direkodkan di dalam sistem Santuni MADANI selepas pemimpin menyantuni komuniti setempat.



PROGRAM ELAUN SARA HIDUP NELAYAN

Program Elaun Sara Hidup Nelayan dilaksanakan untuk nelayan darat tulen menerima bayaran sebanyak RM250 sebulan dan nelayan laut menerima RM300 sebulan. Pelaksanaan program ini direalisasikan dengan kerjasama Agrobank.


Pencapaian

Inisiatif ini mengurangkan kesan kos sara hidup nelayan dan pada masa yang sama memajukan sektor perikanan darat dan laut. Sehingga kini, seramai 3,396 nelayan darat tulen dan 34,180 nelayan laut telah mendapat manfaat daripada program ini.





MEMPERKASAKAN TVET TEKNOPRENEUR



Program ini bertujuan untuk membangunkan usahawan TVET dalam kalangan pelajar dan terbuka kepada semua kaum. Ini adalah selaras dengan komitmen kerajaan melahir usahawan pendidikan dan latihan teknikal atau teknousahawan yang berjaya untuk tempoh 15-20 tahun yang akan datang.

Pencapaian



Sehingga 30 September 2024, seramai 1,486 graduan berbanding dengan sasaran 1,100 graduan (135.1%) mengikuti program ini di Institut Pendidikan MARA (IPMA).

Pada tahun 2023, seramai 1,591 graduan berbanding dengan sasaran 1,200 graduan (132.6%) mengikuti program ini melalui program inkubator.

PROGRAM EKSPEDISI PEMBELAJARAN KEJAYAAN EKONOMI DESA (X-PED)



Program X-PED memberi pendedahan kepada komuniti luar bandar untuk meningkatkan pengetahuan dan menimba pengalaman daripada kampung-kampung yang berjaya dalam melaksanakan program/projek ekonomi. Peserta program dapat mempelajari amalan terbaik yang boleh direplikasi dan dijadikan model pembelajaran bagi peningkatan sosioekonomi luar bandar.

Pencapaian



Sehingga Oktober 2024, status pelaksanaan adalah 70% dengan penglibatan 20 kampung melibatkan 42 orang peserta. Sasaran penglibatan adalah 15 kampung melibatkan 60 orang peserta.

Dua program telah dilaksanakan merangkumi lawatan pembelajaran:

- Kg. Agong dan Kg. Labuh Banting, Pulau Pinang bagi Kluster Pelancongan; dan
- Kg. Sg. Layau, Hujung Tanah Art Residency dan Kompleks Kraf Johor bagi Kluster Kraf Tangan.







PROGRAM KESEDARAN PENGUMPULAN MINYAK MASAK TERPAKAI (UCO)

Program Kesedaran Pengumpulan Minyak Masak Terpakai merupakan usaha bersama antara Kerajaan dengan PETRONAS Dagangan Berhad (PDB) untuk meningkatkan kesedaran orang ramai tentang kebaikan mengitar semula minyak masak terpakai sambil menjana pendapatan tambahan isi rumah.

Pelbagai hebahan dan kempen kesedaran telah dianjurkan pada tahun 2023 dan 2024 termasuk Trek Komoditi 2023, kempen dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan, sektor swasta dan institusi pendidikan dan advokasi di reruai Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK) seluruh negara.

Pencapaian

Sehingga Oktober 2024, sebanyak 582.98 tan minyak masak terpakai telah berjaya dikumpulkan melalui 54 buah stesen minyak PETRONAS dengan penglibatan 31,171 orang pelanggan.

Impak

i. Menyokong pengeluaran biobahan api Malaysia dan mengembangkan potensi penghasilan biobahan api lestari menggunakan UCO;
ii. Membolehkan satu kitaran ekonomi baharu dihasilkan;
iii. Membudayakan satu konsep pembuangan minyak masak terpakai yang betul, mempunyai nilai serta boleh mengelakkan pencemaran alam sekitar; dan
iv Menjana pendapatan tambahan isi rumah.

BANTUAN KERUGIAN HARTA BENDA DAN TANAMAN AKIBAT SERANGAN HIDUPAN LIAR (BKHT)



Inisiatif ini adalah satu bentuk bantuan kepada kumpulan sasaran yang mengalami kerugian dan kerosakan harta benda serta tanaman akibat ancaman hidupan liar. Komponen inisiatif meliputi bantuan pampasan kepada kumpulan sasaran yang bergantung pada hasil pertanian untuk kelangsungan hidup dengan meringankan beban penduduk dan menyokong produktiviti pertanian. Inisiatif ini bermula secara rasmi pada 29 Mac 2024. Kumpulan sasar bagi inisiatif ini termasuk petani, nelayan, penternak dan komuniti orang asli.

Pencapaian

Sehingga September 2024, seramai 130 orang pemohon telah mendapat manfaat daripada inisiatif BKHT dengan jumlah bayaran sebanyak lebih RM410,000.



PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA: KEMPEN PENANAMAN 100 JUTA POKOK

Inisiatif ini dilaksanakan dengan kerjasama pelbagai pihak termasuk Kerajaan Negeri, syarikat swasta serta korporat, badan bukan kerajaan, institusi-institusi pendidikan dan orang awam. Program ini bertujuan meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan kawasan berhutan dan memupuk semangat cinta akan hutan dalam kalangan segenap lapisan masyarakat bagi mempercepat usaha pemeliharaan alam sekitar dan mengurangkan kesan perubahan iklim.



Kawasan hijau dan berhutan meningkat di seluruh negara dan menyumbang kepada matlamat negara untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 50% kawasan berhutan iaitu 1,386.31 hektar kawasan hutan miskin dan beberapa kawasan lapang di seluruh Malaysia dipulihkan.

Pencapaian

Sehingga kini sejumlah 99,483,068 pokok telah ditanam.





SIFAR MISKIN TEGAR

Jumlah Ketua Isi Rumah (KIR) Miskin Tegar menunjukkan penurunan yang ketara daripada 22,893 KIR pada Ogos 2024 kepada 2,765 KIR pada November 2024.

Pencapaian

Sebanyak enam (6) buah negeri dikategorikan mencapai Sifar Miskin Tegar iaitu Perlis, Perak, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang dan Terengganu.

87.9%
Penurunan Miskin Tegar seluruh negara
(Ogos-November 2024)

SUMBANGAN KESIHATAN RAHMAH (SKR)

Bantuan sebanyak RM300 kepada warga peneroka FELDA yang berumur 65 tahun ke atas.

Pencapaian

Seramai 56,000 orang telah menerima manfaat.



Penerokawati: Puan Aingunun binti Mat Asnguri Penerokawati FELDA Besout 3 Wilayah Trolak



Peneroka: Encik Zakaria bin Ahmad Peneroka FELDA Sg. Behrang Wilayah Trolak

BANTUAN SUBSIDI DIALISIS MITRA TAHUN 2024

Meringankan beban kewangan pesakit berbangsa India untuk menjalani rawatan dialisis.

Pencapaian

Bantuan subsidi sebanyak RM13,330 setiap seorang kepada 600 orang dalam masyarakat India golongan B40 dan M40 yang menghidap penyakit buah pinggang untuk mendapatkan rawatan dialisis.





SEJAHTERA KOMUNITI MADANI (SejaTi MADANI)

SejaTi MADANI merupakan program peningkatan pendapatan yang bertujuan merancakkan aktiviti ekonomi komuniti dalam lima (5) sektor tumpuan iaitu pertanian dan makanan, jahitan dan kraf tangan, herba dan kesihatan, pelancongan dan hospitaliti serta aktiviti hijau dan kitar semula. Sejumlah RM1 bilion diperuntukkan dengan nilai geran sehingga RM100,000 setiap komuniti.

Program ini menyasarkan penjanaan pendapatan antara RM3,000 hingga RM8,000 sebulan kepada komuniti.

SejaTi MADANI juga membuka peluang pekerjaan dan memupuk budaya semangat kekitaan dalam kalangan komuniti di samping menambah bekalan setempat melalui pengeluaran makanan berskala kecil.

Pencapaian

Sejumlah 6,544 komuniti telah menerima manfaat dengan peruntukan berjumlah RM590 juta sehingga November 2024.



Projek Dron untuk membaja sawah
JPKK Kampung Tebuk Hj. Dollah, Selinsing, Perak.
Keluasan tapak: 243 hektar



Projek Tanaman Fertigasi Terung
JPKKP Mukim Lating, Kota Bharu, Kelantan.
Keluasan tapak:1.5 ekar
Anak Pokok Terung: 3,000 *polybag*
Anggaran pendapatan sebulan: RM30,000



Projek Tanaman Sayur Secara Hidroponik
JPKK Kampung Batu 8, Tanjung Tualang, Perak.
Keluasan tapak: 30x60 kaki persegi
Jumlah tanaman (Salad dan Sayuran Lain): 1,400 pokok
Anggaran pendapatan bersih sebulan: RM2,000

PROGRAM USAHA JAYA INSAN (PUJI @ WP)

PUJI dirangka sebagai pendekatan inklusif dalam menangani isu sosioekonomi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan menerusi enam (6) inisiatif: Ihsan@PUJI, Upaya@PUJI, Ilmu@PUJI, Sihat@PUJI, Lindung@PUJI dan Infra@PUJI.

Ihsan@PUJI - Bantuan untuk meningkatkan pendapatan isi rumah B40 dan mengurangkan kos sara hidup melalui Program MyGrocer@ Wilayah. Barangan keperluan disediakan pada kadar 5% hingga 20% lebih rendah daripada harga pasaran.

Lindung@PUJI - Peluang untuk mendapatkan rumah mampu milik di Wilayah Persekutuan bagi golongan berpendapatan sederhana (M40) melalui Program Residensi Wilayah, dan golongan berpendapatan rendah (B40) termasuk kumpulan miskin dan miskin tegar menerusi Residensi MADANI. Membantu meringankan kos sara hidup dengan menyediakan perumahan mampu milik berharga RM300,000 dan ke bawah dengan kerjasama pihak pemaju.



Infra@PUJI – Peluang untuk akses kepada kemudahan infrastruktur asas bagi menjamin kesejahteraan hidup. Contohnya menaik taraf kemudahan awam seperti balai raya dan jalan-jalan kampung di Labuan.





Upaya @PUJI - Program pendayaupayaan 350 Ketua Isi Rumah yang produktif dengan menyediakan latihan kemahiran dan peluang pekerjaan untuk meningkatkan pendapatan iaitu pelaksanaan PUJI melalui Usaha Sama JWP dan Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS). Program ini membantu membebaskan peserta daripada kepompong kemiskinan tegar.



Ilmu @PUJI - Peluang untuk mendapatkan akses pendidikan tambahan percuma kepada pelajar dari golongan B40 iaitu Program *MySchoolBus@Wilayah*. Membantu meringankan kos sara hidup dengan pembiayaan bas sekolah percuma kepada kanak-kanak melalui kolaborasi DBKL dan MAIWP.

- 221 Kenderaan Bas Sekolah
- 108 Operator Bas
- 8,705 Pelajar
- 140 PPR/PA, Kawasan Perumahan Kos Rendah & Kuarters
- 296 buah sekolah
- RM100 kos yang ditampung untuk setiap pelajar sebulan



Sihat @PUJI - Peluang untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti dan kesedaran tentang gaya hidup sihat iaitu Program Kebersihan dan Kesihatan. Membantu menggalakkan budaya kebersihan dan gaya hidup sihat kepada golongan B40.

AKSES DAN BANTUAN KEMASUKAN KE INSTITUT PENGAJIAN TINGGI (IPT)

Program Penajaan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bermatlamat menyediakan dan meningkatkan akses pendidikan tinggi yang lebih baik kepada kumpulan sasaran yang ditetapkan iaitu pegawai awam yang sedang berkhidmat dalam ekosistem pendidikan tinggi dan golongan pelajar. Program ini dilaksanakan melalui dua (2) inisiatif.



Program SULUNG 2.0

Menyediakan peluang kepada anak-anak golongan B40 yang cemerlang dan pertama dalam keluarga yang berjaya melanjutkan pengajian di Universiti Awam.

Pencapaian

Jumlah penerima program SULUNG 2.0 daripada Universiti Awam adalah seramai 5,998 orang. Daripada jumlah ini, sebanyak 258 orang telah menamatkan pengajian.

BANTUAN YAYASAN PERKASA SISWA (BYPS)

BYPS bertujuan meringankan beban kewangan bakal pelajar baharu dan keluarga dalam membuat persediaan melanjutkan pelajaran ke Institut Pengajian Tinggi (IPT) dengan nilai bantuan sebanyak RM1,000 seorang.



Pencapaian

Sehingga Oktober 2024, seramai 271 orang pelajar mendapat manfaat yang berjumlah RM 271,000.

KEMPEN KESEDARAN KANSER REPRODUKTIF WANITA (WCaRe)

Kempen Kesedaran Kanser Reproduktif Wanita (WCaRe) merangkumi pelaksanaan Program Subsidi Ujian Mamogram dan Program Saringan Kanser Serviks. Program Subsidi Ujian Mamogram telah dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menerusi Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) yang disasarkan kepada golongan wanita yang berisiko tinggi dalam lingkungan umur antara 40 hingga 70 tahun. Program Saringan Kanser Serviks dijalankan dengan kaedah Ujian *Human Papillomavirus DNA* (HPV DNA) yang lebih efektif untuk mengesan satu atau lebih jenis HPV berisiko tinggi dalam kalangan wanita.

Pencapaian

Seramai 72,564 wanita telah menerima manfaat berbanding sasaran 57,000 wanita yang memenuhi syarat yang telah ditetapkan bagi tahun 2024.







WCaRe

Imbas QR untuk maklumat lanjut





PROGRAM WANITA DINAMIK

Pemberian insentif melalui bantuan asas modal perniagaan sebanyak RM500 sebagai usaha permulaan untuk menggalakkan golongan wanita berniaga secara kecil-kecilan agar mereka dapat keluar daripada kesempitan hidup dan bangkit untuk membantu meningkatkan pendapatan ekonomi keluarga.

Pada tahun 2024, Program Wanita Bangkit@KPWKM Mykasih Kapital telah dijenamakan sebagai Program Wanita Dinamik dengan elemen baharu yang menggabungkan inisiatif memperkasa wanita merangkumi elemen ekonomi, keselamatan dan kesihatan.

Pencapaian

Sehingga kini, seramai 12,811 orang wanita telah mendapat manfaat daripada program ini.





INISIATIF ANTIGANGGUAN SEKSUAL

Inisiatif Antigangguan Seksual diperkenalkan bagi menangani kelompongan dalam perundangan sedia ada iaitu tiada perundangan khusus berkenaan kesalahan gangguan seksual. Aktiviti dan program advokasi dilaksanakan untuk meningkatkan pencegahan dan kesedaran terhadap gangguan seksual melibatkan semua lapisan masyarakat termasuk wanita, OKU dan warga emas. Program advokasi KPWKM dilaksanakan secara berterusan dengan kerjasama strategik agensi kerajaan dan sektor swasta yang berkaitan.

Pencapaian

Program advokasi dan kesedaran antigangguan seksual telah dilaksanakan melibatkan seramai 39,482 orang peserta secara dalam talian dan secara fizikal.

PERKHIDMATAN PUSAT SOKONGAN SOSIAL SETEMPAT (PSSS)



Menawarkan perkhidmatan psikososial yang holistik kepada masyarakat secara terus seperti sesi bimbingan dan kaunseling serta transit sementara berbentuk bantuan segera kepada kumpulan sasar yang memerlukan. Pengoperasian PSSS dilaksanakan secara tetap di premis dan secara bergerak bagi memastikan perkhidmatan psikososial kepada masyarakat dioptimumkan sepenuhnya.

Pencapaian

50,000 orang penerima manfaat bagi tahun 2023 hingga 2024.



'INI WARISAN KITA'

Program 'Ini Warisan Kita' telah dirasmikan pada 6 September 2023 bertemakan 'Melestarikan Perpaduan' ini melibatkan 12 buah sekolah sekitar Klang dan penglibatan lebih 1,700 orang pelajar pelbagai kaum. Pelaksanaan program ini melestarikan perpaduan dengan meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan masyarakat pelbagai kaum mengenai khazanah warisan negara.

Pencapaian

Program ini telah diperluaskan ke Sabah pada 2024 melibatkan seramai 100 orang pemimpin Sukarelawan Siswa daripada 56 Institusi Pengajian Tinggi (IPT).





PEMERKASAAN KAWASAN RUKUN TETANGGA PROGRESIF (RT PROGRESIF)



Memperkasa peranan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) sebagai rujukan sosial yang menyediakan perkhidmatan dan penyebaran maklumat serta memupuk perpaduan dalam komuniti. Pemerkasaan KRT ini adalah menerusi lapan (8) bidang tumpuan yang berfokuskan kepada:

- Ekonomi sara hidup;
- Keselamatan dan ketahanan komuniti;
- Kepemimpinan;
- Kesejahteraan komuniti;
- Pembelajaran sepanjang hayat;
- Alam sekitar;
- Warisan dan budaya; dan
- Daya cipta.

Pencapaian

152 KRT telah mencapai status KRT Progresif dengan bantuan peruntukan RM20 juta pada tahun 2024.

GERAN SOKONGAN SEKTOR PELANCONGAN (GSSP)





GSSP bertujuan memberi fokus ke atas penganjuran program pelancongan oleh pihak swasta, pemain serta penggiat industri dan NGO tempatan dengan peruntukan RM30 juta. Aktiviti di bawah geran ini termasuk:

- Program yang mempunyai elemen penyertaan negeri-negeri di Malaysia
- Pameran pelancongan
- Program Minat Khas (niche)
- Acara sukan berbentuk rekreasi, karnival, sukan rakyat dan gaya hidup

Pencapaian

Sehingga 22 Oktober 2024, sebanyak 394 program telah diluluskan. Pulangan pelaburan (ROI) dianggarkan berjumlah RM35.6 bilion yang meliputi pengiklanan, publisiti, penginapan, pengangkutan dan cukai perniagaan.

GERAN GALAKAN MELANCONG MALAYSIA (GAMELAN)



GAMELAN bertujuan mempergiatkan program promosi dan pemasaran bagi meningkatkan ketibaan pelancong asing ke Malaysia, di samping merancakkan pelancongan domestik. Geran ini meliputi program berikut:

- Penyertaan Pameran Pelancongan (Travel Fairs)
- Penyertaan Misi Jualan (Tourism Sales Mission)
- Penganjuran Webinar Pelancongan
- Penganjuran Lawatan Suai Kenal
- Hebahan Video (Atas Talian)

Dengan peruntukan RM15 juta, geran ini disasarkan kepada syarikat dan persatuan berkaitan pelancongan dan sukan rekreasi.

Pencapaian

Sehingga 22 Oktober 2024, sebanyak 513 permohonan telah diluluskan. Pulangan pelaburan (ROI) dianggarkan berjumlah RM249 juta yang meliputi penjualan pakej pelancongan dan *leads* jualan di pameran dan misi jualan yang disertai dalam dan luar negara.



GERAN SOKONGAN SEKTOR KEBUDAYAAN (GSSK)

GSSK merupakan satu inisiatif Kerajaan yang diumumkan melalui Bajet 2024 dengan peruntukan RM25 juta di bawah Pelan Pemulihan Pelancongan MOTAC bagi memastikan ekosistem kesenian dan kebudayaan negara terus kekal berdaya saing dan diperkasa.



Pencapaian

Kerajaan melalui Kementerian melihat pentingnya keperluan untuk memulihkan semula (restore) Badan Bukan Kerajaan (BBK) kebudayaan bergerak aktif. Sepanjang tahun 2023 sebanyak 411 penerima GSSK dengan jumlah kelulusan RM28.3 juta, manakala bagi tahun 2024 sebanyak 433 penerima GSSK telah menerima manfaat dengan jumlah kelulusan RM25 juta.









TAPAK WARISAN UNESCO YANG BERPOTENSI

MOTAC melalui Jabatan Warisan Negara meneliti potensi pengiktirafan dan melaksanakan kerja-kerja memelihara, memulihara dan melindungi tapak warisan yang berpotensi untuk diiktiraf sebagai tapak warisan dunia UNESCO. Sebanyak RM80 juta telah diperuntukkan untuk tujuan ini.

Pencapaian

Kerja-kerja pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan dan tapak warisan seperti berikut:

- Warisan Arkeologi Kompleks Gua Taman Negara Niah;
- Projek Lembah Bujang;
- Pembinaan Bangunan Tambahan dan Naik Taraf Kemudahan di Kem Pelancongan Sungai Tiang dan Cadangan Pembinaan Menara Pandang di Taman Negeri Royal Belum, Grik;
- FRIM Forest Park Selangor;
- Pusat Kawalan Kusta Negara;
- Tapak Warisan Perlombongan Bijih Timah Sungai Lembing; dan
- Cadangan Pembangunan Taman Warisan Lombong Bijih Timah Negara, Dengkil.







AI UNTUK RAKYAT

Portal pembelajaran kendiri yang bertujuan memperkenalkan dan meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai teknologi kecerdasan buatan (Artificial Intelligence - AI).

Program ini menyediakan akses kepada kursus pengenalan AI melalui dua modul *AI Awareness* dan *AI Appreciate* untuk rakyat Malaysia bagi memastikan semua lapisan masyarakat tanpa mengira latar belakang ekonomi dapat memanfaatkan teknologi AI dalam kehidupan seharian serta kerjaya mereka.

Pencapaian

Sehingga Oktober 2024, seramai 1.2 juta orang telah melengkapkan modul pembelajaran AI untuk Rakyat berbanding sasaran 1 juta orang.

DANA KANDUNGAN KREATIF (DKK)

DKK bertujuan merancakkan pembangunan industri kreatif tempatan supaya mampu bersaing dan lebih kompetitif di peringkat antarabangsa. Dana ini merupakan bantuan kewangan bagi menyokong aktiviti penerbitan, pemasaran dan pembangunan ekosistem sektor perfileman tanah air.



Pencapaian

- Sehingga Ogos 2024, 29 projek perfileman telah disiapkan, manakala 10 projek dalam pelaksanaan.
- Mewujudkan sebanyak 560 peluang pekerjaan.
- Memanfaatkan kategori penerima dana filem cereka dengan kutipan kasar sebanyak RM62.3 juta.



SKIM KESELAMATAN SOSIAL SURI RUMAH (SKSSR)

Sebanyak RM50 juta telah diperuntukkan untuk memberi perlindungan di bawah Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) PERKESO kepada suri rumah yang berdaftar dalam sistem eKasih. Suri rumah yang telah mencarum akan mendapat manfaat perlindungan terhadap kemalangan domestik, keilatan dan kematian.



Pencapaian

Setakat 31 Oktober 2024, sejumlah 477,147 orang suri rumah telah mencarum secara aktif di bawah SKSSR dengan 88% (420,439) daripadanya adalah pencarum di bawah bantuan inisiatif Kerajaan.



SKSSR

Imbas QR untuk maklumat lanjut



WANITA MYWIRA

Kerajaan MADANI melalui TalentCorp telah melancarkan inisiatif bersepadu Wanita MyWIRA yang bertujuan merapatkan jurang penyertaan tenaga kerja berkemahiran. Ia juga bertujuan mencapai matlamat Kerangka Ekonomi MADANI yang mensasarkan penglibatan wanita dalam tenaga kerja sebanyak 60%. Inisiatif ini menyediakan akses yang lebih meluas kepada golongan wanita untuk menyertai program-program TalentCorp. Selain itu, ia juga berperanan sebagai platform digital untuk memudah cara permohonan dan pemprosesan inisiatif pelepasan cukai menerusi Program Kembali Berkerjaya TalentCorp yang dilanjutkan sehingga 2027.

Pencapaian

Sehingga Oktober 2024, TalentCorp telah menerima lebih 4,000 penyertaan wanita untuk program ini. TalentCorp turut menjalankan bengkel Aturan Waktu Kerja Anjal (FWA) yang memberi manfaat kepada lebih 560,000 pekerja.





MERAKYATKAN FASILITI BELIA DAN SUKAN

Fasiliti sukan di bawah Jabatan Belia dan Sukan Negara dibuka untuk kegunaan orang ramai secara percuma pada hari yang ditetapkan. Antara fasiliti yang terlibat adalah Stadium Nasional Bukit Jalil, *Kuala Lumpur Sports City*, Kompleks Sukan Bukit Kiara dan Padang Stadium Hoki Tun Razak.

Pencapaian

Sehingga Oktober 2024, seramai 2.03 juta orang pengguna telah memanfaatkan fasiliti tersebut.

PROGRAM *SKILLS FOR LIFE*

Latihan kemahiran asas kepada komuniti, khususnya belia setempat dengan menggunakan kaedah *Do It Yourself* yang dilaksana antara 4 hingga 8 jam pada hujung minggu. Ini merupakan salah satu inisiatif pemahiran semula dan peningkatan kemahiran kepada belia seluruh negara.





Pencapaian

Seramai 6,919 orang termasuk belia telah menerima manfaat daripada program ini sehingga Oktober 2024.

BANTUAN SARA HIDUP VETERAN ATM

Mulai September 2023, penyaluran Bantuan Sara Hidup secara bulanan kepada veteran ATM yang berpencen diperluaskan kepada veteran ATM tidak berpencen.

Pencapaian

Setakat September 2024, sebanyak 30,607 orang penerima yang terdiri daripada veteran berpencen, veteran tidak berpencen dan orang tanggungan telah menerima manfaat ini.

BANTUAN KEMASUKAN KE INSTITUT PENGAJIAN TINGGI

Bantuan bagi meringankan beban kewangan semasa pendaftaran kemasukan ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS).



Pencapaian

Setakat September 2024, seramai 4,408 orang pelajar yang terdiri daripada anak-anak veteran ATM telah menerima manfaat ini.







PEMBAIKAN KEMUDAHAN KUARTERS KAKITANGAN AWAM WARGA PDRM DAN RUMAH KELUARGA ANGKATAN TENTERA (RKAT)

Inisiatif pembaikan kemudahan kuarters kakitangan warga PDRM dan Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) ini bertujuan memelihara kesejahteraan dan keselesaan warga polis dan angkatan tentera.

Pencapaian

Bagi warga polis, sebanyak 14 projek pembaikan kuarters dan lima projek penyelenggaraan lif telah disiapkan. Sejumlah 4,612 unit kuarters PDRM telah ditambah baik dengan melibatkan peruntukan sebanyak RM112.6 juta.

Manakala bagi angkatan tentera sebanyak 9,302 unit rumah keluarga angkatan tentera telah diselenggarakan dengan perbelanjaan sebanyak RM358 juta sehingga November 2024.



PROGRAM MENYEMAI KASIH RAKYAT (MEKAR)

Program MEKAR merupakan inisiatif prihatin Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dalam menyokong aspirasi Malaysia MADANI bagi memastikan rakyat mendapat perkhidmatan JPN seperti pendaftaran sijil kelahiran dan kematian, cabutan sijil perkahwinan, memperbaharui kad pengenalan diri serta khidmat nasihat.

Pencapaian

Sehingga Oktober 2024, sebanyak 3,682 program telah dilaksanakan dan melibatkan 73,011 permohonan perkhidmatan JPN. Selain itu, JPN turut memberikan khidmat nasihat melalui program tersebut kepada 53,230 orang.

PROGRAM *SCITECH4U OUTREACH*

Program bertujuan membina bakat Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) yang kompeten dan fleksibel untuk menghadapi perubahan global. Melalui pendekatan hibrid, program ini melengkapkan kurikulum sedia ada dengan aktiviti praktikal dan interaksi langsung dengan pakar, memberi pendedahan dan membudayakan STI dalam kalangan pelajar dan belia melalui pelbagai pengalaman pembelajaran sains tidak formal yang interaktif dan imersif melalui *showcase*, pameran, pertandingan serta persembahan.



Pencapaian

Sehingga Oktober 2024, seramai 2.2 juta orang telah menerima manfaat.

PROGRAM INOVASI SOSIAL DI BAWAH YAYASAN INOVASI

Yayasan Inovasi (YI) Malaysia telah melaksanakan beberapa inisiatif yang menyasarkan peningkatan kesejahteraan masyarakat melalui Inovasi Sosial (IS), pelaburan impak sosial serta mencari penyelesaian isu dan cabaran melalui aplikasi STI yang berfaedah kepada masyarakat.



Pencapaian

- 7,200 inovator berdaftar
- 500 produk berpotensi dikomersialkan
- 261 projek IS telah direplikasi
- 200 inovator yang telah dibiayai
- 108 pendaftaran harta intelek telah difailkan
- 53 rakan strategik
- 40 inovator mendapat Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dalam pelbagai bidang



PROGRAM PENDANAAN MALAYSIA INOVASI SOSIAL KOMUNITI (MyIS Komuniti)

Program di bawah Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) ini bertujuan meningkatkan kesejahteraan komuniti melalui aplikasi teknologi dan inovasi tempatan yang telah dibangunkan dan sedia dilaksanakan secara mampan. Program ini membantu meningkatkan produktiviti dan pendapatan komuniti, mencipta peluang pekerjaan dan kelestarian alam sekitar.

Pencapaian

- 47 projek teknologi R&D telah mendapat pendanaan.
- 4,000 orang penerima manfaat mengenai pengetahuan berkaitan inovasi sosial.
- 400 orang mendapat pekerjaan melalui projek-projek yang telah dilaksanakan.
- 4,000 orang mendapat manfaat kesejahteraan sosial, ekonomi dan alam sekitar.



MAINSTREAMING GRASSROOTS INNOVATIONS (MaGRIs)

Inisiatif ini merupakan program peningkatan pembangunan untuk pengkomersialan inovasi akar umbi dengan menyediakan peluang pembinaan kapasiti kepada inovator akar umbi tempatan. Dengan bimbingan, pembangunan inovasi dan bantuan pemasaran, program ini dapat memberikan nilai tambah ke atas produk inovatif yang terdiri daripada pembangunan prototaip sehingga ke peringkat pra-pengkomersialan (Tahap Ketersediaan Teknologi – TRL 3-6). Program ini seterusnya akan membuka peluang pembinaan kapasiti kepada inovator akar umbi tempatan.

Pencapaian

- 2,584 data inovasi diperolehi melalui Sistem Innomap.
- 55 orang inovator menerima latihan pembangunan kapasiti.
- 55 produk inovasi telah menerima geran pembangunan.
- 35 produk disebar guna kepada komuniti.

PROGRAM KERJAYA DAN KEUSAHAWANAN BIO-AGROTEK DAN BIO-FARMASEUTIKAL (BEST 2.0)

Program pengambilan pekerja (*Place, Train and Hire*) yang melibatkan penempatan kerja, latihan (insaniah, keusahawanan dan teknikal) bagi membentuk dan membimbing graduan dengan kerjasama pakar industri dalam usaha mendapatkan pekerjaan dan melahirkan pekerja berpengetahuan dan berkemahiran (bakat STI) bagi memenuhi keperluan industri.



Pencapaian

82 graduan telah terpilih menyertai program BEST2.0 dan telah ditempatkan di 18 buah syarikat.

KAMPUNG DIGITAL

Inisiatif Kampung Digital di Melaka dilaksanakan bertujuan untuk mengatasi isu ketiadaan alamat rumah yang jelas dan berstruktur dalam kalangan penduduk kampung. Ini memberi manfaat kepada penduduk kampung dalam aspek pengurusan, penghantaran dan perkhidmatan lain yang berkaitan dengan alamat rumah. Kelebihan Inisiatif Kampung Digital juga membolehkan data jumlah rumah dan sempadan kampung ditentukan dengan tepat.

Pencapaian

Peruntukan Tahun 2024	Perbelanjaan (Sehingga 31 Oktober 2024)
RM1,072,112.00	RM823,130.56

Bilangan dan Golongan Sasar
Bilangan: 623 Kampung Golongan Sasaran: Kawasan kampung tradisional











PARAMEDIK KOMUNITI

Berperanan sebagai pemudah cara di setiap DUN dengan memberikan rawatan awal kepada masyarakat dan pelancong yang datang ke Melaka.

Parakom diberikan pendedahan serta latihan asas pertolongan cemas dan *Basic Live Support* (CPR) serta *Home Nursing* yang dikendalikan oleh Jabatan Kesihatan Negeri agar dapat membina keyakinan diri dalam mendepani situasi kecemasan dan keadaan yang memerlukan rawatan awal sebelum pesakit dihantar ke pusat perubatan.

Pencapaian

Bilangan dan Golongan Sasar	Peruntukan Tahun 2024	Perbelanjaan (Sehingga 31 Oktober 2024)
1,103 orang mewakili JPKK, JPKKB dan Pegawai Perhubungan	RM 602,870.00	RM 541,518.00

PROGRAM TRANSFORMASI BAS BERHENTI-HENTI (SBST)

SBST merupakan satu inisiatif perkhidmatan bas berhenti-henti di kawasan bandar dan luar bandar. Inisiatif ini bermatlamat meningkatkan kecekapan, kebolehcapaian, dan keberkesanan perkhidmatan bas bagi memenuhi keperluan rakyat. Komponen utama program meliputi: dana subsidi dan insentif; penstrukturan laluan; digitalisasi dan automasi dalam bayaran dan pengoperasian; serta peningkatan infrastruktur.

Program ini memberikan impak positif yang berikut:

- Rakyat: Meningkatkan kebolehcapaian pengangkutan awam untuk pelbagai lapisan masyarakat, termasuk golongan B40;
- Alam Sekitar: Menyumbang kepada pengurangan pelepasan karbon melalui penggunaan pengangkutan awam yang lebih meluas; dan
- Ekonomi: Menyokong pertumbuhan ekonomi tempatan dengan mobiliti yang lebih baik.

Pencapaian

Memberi manfaat kepada 1.03 juta penumpang setiap bulan.



eMADANI

Program yang dilaksanakan mulai 4 Disember 2023 sehingga 29 Februari 2024 adalah inistiatif digital yang bertujuan meningkatkan keberkesanan dan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam kepada rakyat melalui platform dalam talian yang lebih mudah diakses dan bersepadu. Ia dapat mempermudah urusan rakyat dan mengurangkan keperluan berurusan secara fizikal di kaunter kerajaan.

Imbas untuk maklumat lanjut



eMADANI



Pencapaian

Program ini memanfaatkan lebih 10 juta rakyat Malaysia, melalui tawaran kredit eMADANI bernilai RM100 yang boleh digunakan bagi pembelian fizikal melalui penyedia perkhidmatan e-dompet yang terpilih. Selain itu, penyedia perkhidmatan e-dompet yang mengambil bahagian turut menawarkan inisiatif tambahan dalam bentuk baucar, pulangan tunai (cashback), diskaun, mata ganjaran (reward points) dan ganjaran e-duit syiling (coins).



SKIM JAMINAN KREDIT PERUMAHAN (SJKP)

Inisiatif SJKP diperkenalkan untuk membantu individu tanpa pendapatan tetap dan slip gaji mendapatkan pinjaman/ pembiayaan perumahan daripada bank. Melalui SJKP, kerajaan memberi jaminan kepada bank, sehingga RM500,000 (termasuk jumlah pembiayaan pokok, MRTA, MRTT, LTHO, yuran guaman dan yuran penilaian) untuk mengurangkan risiko pinjaman yang tidak memenuhi syarat pinjaman biasa.



Skim ini bertujuan meningkatkan kemampuan rakyat memiliki rumah, mengurangkan beban kewangan golongan berpendapatan rendah serta menyokong pencapaian matlamat perumahan yang lebih inklusif di Malaysia.

Pencapaian

Sehingga Oktober 2024, SJKP telah meluluskan Jaminan Kerajaan berjumlah RM8.31 bilion bagi pembiayaan perumahan kepada lebih daripada 31,591 pembeli rumah pertama seluruh negara.



SJKP

Imbas QR untuk maklumat lanjut

PAKEJ RAHMAH







Pakej Rahmah adalah inisiatif yang bertujuan menyediakan pilihan internet berkelajuan tinggi pada harga mampu milik kepada golongan memerlukan, terutama golongan berpendapatan rendah. Di bawah program ini, beberapa syarikat telekomunikasi utama menawarkan pakej prabayar internet dengan harga yang lebih rendah berbanding harga di pasaran kepada individu yang layak, termasuk pelajar, golongan muda, warga emas, dan orang kurang upaya.

Inisiatif ini menyokong matlamat Malaysia untuk meningkatkan keterangkuman sosial dan mengurangkan jurang digital dengan memastikan lebih ramai rakyat Malaysia yang kurang berkemampuan dapat mengakses perkhidmatan penting seperti pendidikan dan komunikasi digital. Tiga pakej utama telah diperkenalkan iaitu Pakej 5G Rahmah, Pakej RAHMAH Prabayar Siswa dan Insentif Rebat RAHMAH Pengamal Media.

Pencapaian

Pakej 5G RAHMAH ini telah memanfaatkan 215,423 orang termasuk 92,252 orang daripada kategori B40.







MELESTARIKAN INDUSTRI PENJAGAAN

Inisiatif ini bertujuan mendukung Malaysia dalam mendepani cabaran menjadi Negara Tua menjelang 2030 dan meningkatkan penyertaan wanita dalam tenaga buruh ke paras 60%. Kursus Peningkatan Kemahiran Sebagai Penjaga menyediakan latihan penjagaan asas kepada para penjaga di institusi kebajikan JKM, pusat jagaan badan bukan Kerajaan, pusat jagaan swasta, sukarelawan khidmat bantu di rumah serta individu yang menjaga ahli keluarga yang mempunyai masalah kesihatan.

Pencapaian

Sehingga Oktober 2024, seramai 1,396 orang telah dilatih sebagai penjaga melalui 11 kursus peningkatan kemahiran yang dijalankan oleh ISM.





SKIM SUBSIDI HARGA PADI (SSHP)

Skim Subsidi Harga Padi (SSHP) ialah program bantuan subsidi bagi pengeluaran hasil (output) pertanian apabila pesawah menjualkan hasil tanaman bagi mendapatkan insentif. Kerajaan MADANI telah menambah baik SSHP dengan menaikkan kadar subsidi daripada RM360 per tan metrik kepada RM500 per tan metrik bermula 9 Ogos 2023. Ia secara langsung akan menyumbang kepada penambahan pendapatan pesawah dan memberi motivasi untuk meningkatkan pengeluaran.

Pencapaian

Sehingga Oktober 2024, seramai 112,248 orang pesawah telah menerima manfaat.



KESIMPULAN

Prestasi pembangunan sosial di bawah Kerajaan MADANI selama dua (2) tahun telah menunjukkan kesan yang positif dalam usaha mencapai sebuah masyarakat yang lebih adil, sejahtera, dan inklusif. Kerajaan MADANI melalui pendekatan *Whole-of-Society* telah merekayasa pelbagai dasar dan program yang memberi manfaat kepada golongan rentan, memperbaiki akses kepada pendidikan, kesihatan dan perumahan serta mengukuhkan keseimbangan sosial.

Namun, perjalanan ini memerlukan kerjasama berterusan daripada semua pihak untuk memastikan setiap inisiatif mencapai matlamatnya dan memberi impak yang nyata kepada kehidupan rakyat. Malaysia berada di landasan yang tepat untuk mencapai pembangunan sosial yang lebih mampan, adil dan terangkum.



Keselamatan negara merupakan tunjang keamanan, kestabilan, kemakmuran dan kesejahteraan sesebuah negara. Kerajaan MADANI telah mengambil pelbagai ikhtiar untuk memperkukuh keselamatan negara seperti penguatkuasaan undang-undang, program kesedaran, kerjasama strategik antarabangsa, dan usaha menjaga kebajikan rakyat Malaysia di luar negara. Usaha-usaha juga telah dilaksanakan untuk membanteras jenayah, meningkatkan ketenteraman awam, kawalan sempadan dan perlindungan sumber alam.

Pada masa yang sama, Kerajaan MADANI terus beriltizam meletakkan Malaysia pada kedudukan strategik dengan memainkan peranan yang signifikan dalam perkara-perkara berkaitan kepentingan serantau dan global. Ini selanjutnya dapat mengukuhkan hubungan diplomatik dan perdagangan Malaysia dengan negara-negara luar bagi menarik dan meningkatkan pelaburan.



KESELAMATAN, KEDAULATAN DAN HUBUNGAN DIPLOMATIK



RUU PERLEMBAGAAN (PINDAAN 2024) BERHUBUNG PERKARA KEWARGANEGARAAN

Pindaan ini bertujuan menyelesaikan isu-isu berkaitan kewarganegaraan terutamanya dari segi kesamarataan gender. Pindaan Perlembagaan Persekutuan yang telah diluluskan antaranya meliputi perkara-perkara berikut:

- Memperuntukkan hak sama kepada kanak-kanak yang lahir di luar Persekutuan dengan ibunya pada masa kelahiran itu seorang warganegara untuk memperoleh kewarganegaraan melalui kuat kuasa undang-undang, berbanding hanya jika bapanya seorang warganegara;
- Kanak-kanak yang lahir di Persekutuan dan sekurang-kurangnya seorang daripada ibu bapanya pada masa kelahiran itu bermastautin secara tetap di Persekutuan tidak lagi layak untuk mendapat kewarganegaraan secara kuat kuasa undang-undang;
- Mengkehendaki individu 18 tahun ke bawah yang memperoleh kewarganegaraan melalui pendaftaran untuk mengangkat sumpah; dan
- Kanak-kanak baru lahir yang dijumpai dan ditinggalkan tanpa perlindungan di mana-mana tempat hendaklah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, telah lahir di tempat itu dan ibunya ialah seorang warganegara.

Pencapaian

Pindaan Perlembagaan Persekutuan berkaitan kewarganegaraan telah berjaya dilaksanakan dengan majoriti lebih dua pertiga ahli Dewan Rakyat (206 orang ahli) menyokong pindaan pada 17 Oktober 2024.

Pengeluaran keputusan terhadap 20,447 permohonan kewarganegaraan berbanding sasaran asal sebanyak 14,000.



PROGRAM REPATRIASI MIGRAN

Program ini menyediakan platform untuk memudah cara pendatang asing tanpa izin (PATI) pulang ke negara asal secara sukarela. Ia juga salah satu mekanisme untuk membanteras PATI di samping menjana hasil kepada negara melalui kutipan kompaun dan selari dengan prinsip Ihsan di bawah konsep Malaysia MADANI. Program ini telah mula dilaksanakan dari 1 Mac 2024 hingga 31 Disember 2024.

Pencapaian

Dari 1 Mac 2024 hingga 30 September 2024, seramai 124,040 orang PATI telah pulang ke negara asal dan hasil kutipan bayaran kompaun serta Pas Khas berjumlah RM66.9 juta.



BAITUL MAHABBAH

Selari dengan prinsip Ihsan di dalam konsep Malaysia MADANI, inisiatif Baitul Mahabbah ialah penempatan khas sementara yang diwujudkan atas faktor perikemanusiaan bagi kanak-kanak warga asing berusia kurang daripada 10 tahun sama ada dengan atau tanpa penjaga dari depot tahanan imigresen.



Pencapaian

- Pada tahun 2024, Malaysia telah dinaik taraf ke Tahap 2 dalam Laporan Jabatan Negara Amerika Syarikat (JNAS) mengenai Pemerdagangan Orang berbanding dengan kedudukan di Tahap 2 Pemerhatian pada tahun 2023 dan Tahap 3 pada tahun 2022.

- Sehingga Oktober 2024, sebanyak lima (5) buah Baitul Mahabbah telah beroperasi iaitu di Nilai (Negeri Sembilan), Papar (Sabah), Bekenu (Sarawak), Tanah Merah (Kelantan) dan Kuala Kedah (Kedah). Jumlah penghuni sehingga 6 November 2024 adalah seramai 229 orang.



KEPENGERUSIAN ASEAN-MALAYSIA 2025

Malaysia akan mengambil alih kepengerusian ASEAN pada tahun 2025 melibatkan beberapa acara penting yang akan dihoskan oleh negara. Kepimpinan Malaysia dan penganjuran acara-acara penting ini akan menonjolkan kestabilan politik negara di samping menarik perhatian global terhadap potensi ekonomi Malaysia. Ia akan menggalakkan pelaburan asing dan kerjasama perdagangan yang dapat memacu pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan rakyat.







Pencapaian

- Sejak Januari 2024, YAB Perdana Menteri telah mempengerusikan empat (4) Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Kebangsaan (JPK) untuk merancang, menyelaras dan memantau persiapan serta pelaksanaan substantif dan logistik bagi Kepengerusian ASEAN oleh Malaysia pada tahun 2025, dengan pendekatan secara *Whole-of-Government* (WoG).

- Mesyuarat di peringkat Menteri dan Pegawai Kanan bagi Komuniti Politik-Keselamatan ASEAN (APSC), Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) dan Komuniti Sosio-Budaya ASEAN (ASCC) juga telah diadakan secara berkala sepanjang tahun 2024. Ini termasuklah mesyuarat penyelarasan yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara.

PENYERTAAN MALAYSIA SEBAGAI RAKAN KERJASAMA BRICS



BRICS adalah sebuah gabungan negara membangun yang bertujuan memberi suara yang lebih kuat kepada negara anggota dalam keputusan global. Penyertaan Malaysia dalam BRICS dapat membawa manfaat ekonomi, membuka peluang perdagangan baharu dan mengurangkan kebergantungan kepada pasaran tradisional.

Pencapaian

Pada Oktober 2024, minat dan hasrat Malaysia untuk menyertai BRICS telah diterima baik dan ia menekankan matlamat negara untuk menyokong kepentingan negara-negara membangun dan memperkukuh kerjasama antarabangsa.

PEMETERAIAN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN, PERJANJIAN DAN KERJASAMA ANTARABANGSA

Pemeteraian memorandum persefahaman, perjanjian, dan kerjasama antarabangsa dalam pelbagai sektor ekonomi memberi kesan dan impak positif kepada pembangunan ekonomi negara. Kerajaan MADANI akan terus beriltizam memperkukuh ekosistem perniagaan dalam meningkatkan daya saing ekonomi negara.

Pencapaian

- 72 Memorandum Perjanjian dan Kenyataan Bersama telah dimuktamadkan untuk mengukuhkan hubungan antarabangsa melalui pelbagai inisiatif strategik.
- Inisiatif utama yang dilaksanakan termasuk penglibatan dialog strategik dengan negara seperti United Kingdom, Amerika Syarikat, Kanada, dan Brazil; sambutan ulang tahun hubungan diplomatik dengan Brunei (ke-40 tahun), China (ke-50 tahun), dan Filipina (ke-60 tahun); serta peningkatan hubungan dengan India, Jepun, Republik Korea, dan New Zealand ke tahap Perkongsian Strategik/Perkongsian Strategik Komprehensif.





PENYALURAN BANTUAN KEMANUSIAAN

Kerajaan MADANI terus memainkan peranan yang aktif sebagai anggota komuniti antarabangsa yang bertanggungjawab dalam memastikan penyaluran bantuan kemanusiaan yang wajar kepada mangsa-mangsa perang, konflik, gempa bumi, kemarau dan bencana yang lain termasuk di Palestin, Turkiye, Syria, Filipina, Lao PDR dan Namibia.

Pencapaian

Bagi tahun 2024, bantuan kemanusiaan bernilai RM76,971,800 dari sumber kerajaan dan bukan kerajaan telah disumbangkan kepada mangsa-mangsa berkaitan di pelbagai negara.





'KATAKAN TIDAK PADA BURUH PAKSA'

Program ini merupakan kolaborasi strategik pelbagai agensi Kerajaan bertujuan memberikan kesedaran kepada masyarakat setempat berhubung isu buruh paksa serta mendidik masyarakat tentang usaha-usaha kerajaan dalam memperkasakan amalan terbaik pengurusan pekerja. Manfaat dan faedah program ini adalah untuk mengekalkan hubungan harmoni antara majikan dan pekerja.



Pencapaian

Pada tahun 2024, Malaysia telah dinaik taraf ke Tahap 2 dalam Laporan Jabatan Negara Amerika Syarikat (JNAS) mengenai pemerdagangan orang berbanding kedudukan di Tahap 2 Pemerhatian pada tahun 2023 dan Tahap 3 pada tahun 2022.

ISU SINDIKET JENAYAH PENIPUAN TAWARAN PEKERJAAN (*JOB SCAM*)





Bagi menangani isu *Job Scam* dengan lebih bersepadu, Kerajaan MADANI bertanggungjawab menyelaras usaha-usaha yang boleh mengesan dan membawa pulang warganegara Malaysia yang menjadi mangsa sindiket penipuan. Di samping itu, kerajaan turut menyediakan pelan komunikasi yang bersesuaian untuk penyampaian maklumat yang tepat kepada orang ramai, media dan pemegang taruh yang berkenaan.

Pencapaian

Sepanjang tahun 2023 hingga November 2024, seramai 711 orang warganegara yang terlibat dengan sindiket penipuan tawaran pekerjaan diselamatkan. Antaranya 703 orang telah dihantar pulang ke Malaysia dan lapan (8) orang lagi masih menunggu proses deportasi, manakala 197 orang lagi sedang dijejaki.

PROGRAM PERLINDUNGAN DAN RONDAAN BIODIVERSITI


Inisiatif baharu ini bertujuan melindungi dan memelihara alam sekitar menerusi penglibatan bersama antara kerajaan dengan masyarakat setempat dalam meningkatkan rondaan penguatkuasaan dan pengawalan (*boots on the ground*). Sebanyak RM60 juta telah diperuntukkan pada tahun 2024 bagi program ini termasuk pelantikan Renjer Komuniti di seluruh negara. Program ini telah menunjukkan keberkesanan dalam membanteras pencerobohan, pembalakan haram serta pemburuan hidupan liar di habitat utama dan Renjer Komuniti membantu melaksanakan aktiviti kawalan sempadan, kawalan pos serta penguatkuasaan bagi memastikan kelestarian khazanah biodiversiti negara dapat dikekalkan.

Pencapaian

- 1,924 Renjer Komuniti dilantik dalam kalangan Veteran Angkatan Tentera Malaysia (VAT) dan Polis Diraja Malaysia (VPDRM), Orang Asli, Orang Asal dan komuniti setempat.
- Pelaksanaan Operasi Bersepadu Khazanah (OBK) sejak tahun 2021 sehingga Julai 2024 telah mencatatkan kejayaan dengan 431 tangkapan warganegara Malaysia dan 91 warganegara asing melibatkan sitaan berjumlah RM158 juta.







INSENTIF KEWANGAN KEPADA KERAJAAN NEGERI BAGI PEMELIHARAAN BIODIVERSITI DAN HUTAN

Program ini bertujuan melindungi ekosistem hutan di Malaysia menerusi pemuliharaan biodiversiti dan hutan yang merupakan kawasan perlindungan (*protected areas* - PA). Menerusi program ini, peruntukan *Ecological Fiscal Transfer* (EFT) Kerajaan Persekutuan memberikan dana kepada Kerajaan Negeri bagi melaksanakan pemeliharaan kawasan hutan simpan, perlindungan hidupan liar dan memperluas kawasan perlindungan biodiversiti. Program ini seterusnya memastikan Malaysia memenuhi obligasi di peringkat antarabangsa bagi meningkatkan peratusan kawasan perlindungan negara.

Pencapaian

- Sekitar 350,000 hektar kawasan telah diwartakan sebagai kawasan perlindungan baharu meliputi hampir 90,000 hektar kawasan perlindungan daratan dan lebih daripada 250,000 hektar kawasan perlindungan marin.

KESIMPULAN

Ikhtiar Kerajaan MADANI dalam mengukuhkan keselamatan negara, ketenteraman awam, meningkatkan kawalan persempadanan, dan mengeratkan hubungan diplomatik telah berjaya memastikan kestabilan dan kedudukan global negara pada tahap yang lebih tinggi.

Antara pencapaian signifikan yang diraih adalah peningkatan kedudukan Malaysia dalam *Global Peace Index* dari tangga ke-19 pada tahun 2023 ke tangga ke-10 pada tahun 2024; dan Malaysia telah dinaik taraf ke Tahap 2 dalam Laporan Jabatan Negara Amerika Syarikat (JNAS) pada tahun 2024 mengenai pemerdagangan orang berbanding kepada Tahap 3 pada tahun 2023 dalam laporan yang sama.

Kerajaan MADANI komited meneruskan usaha-usaha ke arah mengukuhkan keselamatan negara, menjaga kedaulatan dan kepentingan rakyat di luar negara, bagi memastikan pembangunan negara dapat dirancakkan dan limpahan kemakmurannya dapat dirasai oleh setiap rakyat serta meletakkan Malaysia pada kedudukan yang lebih baik di peringkat global.

Pembangunan infrastruktur adalah tunjang kepada pertumbuhan ekonomi, kesejahteraan sosial dan ketersambungan serantau. Objektif pembangunan infrastruktur awam di bawah Kerajaan MADANI adalah untuk memastikan kemajuan dan kesejahteraan rakyat melalui penyediaan kemudahan asas yang berkualiti, mampan, dan inklusif. Dalam tempoh dua (2) tahun Kerajaan MADANI, matlamat pembangunan infrastruktur awam bertujuan untuk meningkatkan aksesibiliti dan keterhubungan serta mewujudkan infrastruktur mampan dan hijau.

Di samping memodenkan rangkaian pengangkutan, Kerajaan MADANI turut memberi tumpuan kepada projek menaik taraf utiliti awam termasuk infrastruktur digital bagi memastikan semua penduduk bandar dan luar bandar mendapat akses kemudahan awam berkualiti. Ikhtiar berbentuk inisiatif, program dan projek terpilih dizahirkan dalam segmen ini sebagai bukti bahawa pelaksanaan infrastruktur awam sedang rancak dibangunkan. Antara ikhtiar dan projek fizikal utama negara yang menjadi fokus Kerajaan MADANI ialah pelaksanaan projek Sabah-Sarawak Link Road dan projek Lebuhraya Pan Borneo, penyediaan Rumah Mampu Milik serta pelaksanaan Program Kampung Angkat MADANI.

Komitmen melaksanakan pembangunan infrastruktur yang mampan dan berdaya tahan iklim termasuklah mempromosi teknologi hijau dan mesra alam, serta memberi penekanan khusus kepada tenaga boleh diperbaharui. Sesungguhnya usaha ini akan memacu daya saing ekonomi negara sekali gus dapat meningkatkan kualiti hidup rakyat secara lebih menyeluruh.





INFRASTRUKTUR



INISIATIF MENINGKATKAN AKSES DAN MOBILITI

Sarawak-Sabah Link Road Fasa 1

Merapatkan jurang pembangunan antara negeri Sarawak dan Sabah dengan menambah baik infrastruktur dan ketersambungan di kawasan kurang membangun serta memastikan pembangunan yang lebih seimbang.

Membuka lebih banyak peluang ekonomi kepada masyarakat setempat terutamanya bagi industri agro dan ekopelancongan.

Pencapaian

Sehingga Oktober 2024, kemajuan fizikal semasa adalah sebanyak 40% dan projek ini dijangka siap pada tahun 2026.

Lebuhraya Pan Borneo Sabah Fasa 1A

Menambah baik dan meningkatkan jaringan jalan utama yang menghubungkan Sabah-Brunei-Sarawak bagi membolehkan pengguna merasai perjalanan yang luas dan serba-lancar berikutan pembinaan lebuh raya tanpa tol yang baharu ini.

Mengurangkan masalah kesesakan trafik pada masa puncak dan melancarkan aktiviti sosio ekonomi penduduk.

Pencapaian

Sehingga Oktober 2024, kemajuan fizikal semasa adalah sebanyak 77.8% dan projek dijangka siap pada tahun 2026.

Lingkaran Tengah Utama

Meningkatkan aksesibiliti dan mobiliti laluan ke Pantai Timur serta mengurangkan kesesakan trafik di Jalan FT08 sedia ada terutamanya pada musim perayaan dan cuti persekolahan.

Meningkatkan sosioekonomi penduduk setempat serta menyediakan infrastruktur berkualiti di sepanjang jajaran.

Pencapaian

Sehingga Oktober 2024, kemajuan fizikal semasa adalah sebanyak 40.5% dan projek dijangka siap pada tahun 2027.

Pembinaan Lorong Tambahan Lebuhraya Utara – Selatan (PLUS) dari Yong Peng (Utara) ke Senai (Utara) Fasa 1

Mengurangkan masalah kesesakan dan mampu menampung jumlah pengguna Lebuh Raya PLUS yang semakin meningkat dengan anggaran hampir 90 ribu pengguna harian.

Pemangkin kepada pembangunan sosio-ekonomi di kawasan-kawasan sekitar seperti Iskandar Malaysia, Senai, Kulai, Sedenak, Simpang Renggam, Machap, Ayer Hitam, Yong Peng dan Pagoh.

Pencapaian

Sehingga Oktober 2024, kemajuan fizikal semasa adalah sebanyak 2.22% dan projek dijangka siap pada tahun 2027.

INISIATIF PELAKSANAAN RANGKAIAN 5G

Penyediaan infrastruktur rangkaian 5G merupakan asas dalam memacu pertumbuhan ekonomi di Malaysia. Teknologi 5G akan meningkatkan kecekapan dan produktiviti serta mencipta peluang baharu di seluruh rangkaian ekonomi menyasarkan 81.9% liputan di kawasan berpenduduk.

Pencapaian

81.9% liputan di kawasan berpenduduk.





MADANI*Net

Inisiatif ini adalah untuk menyediakan perkhidmatan internet kepada agensi kerajaan bagi membolehkan capaian kepada aplikasi digital kerajaan. Ini seterusnya akan meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan dalam talian kerajaan kepada golongan sasar, serta merapatkan jurang digital antara bandar dengan luar bandar.

Pencapaian

15 buah klinik kesihatan di kawasan pedalaman seperti berikut:

- 5 di Sabah (Sipitang, Kudat, Ranau dan Tuaran).
- 4 di Sarawak (Serian dan Kapit).
- 2 di Perak (Tapah dan Kemar).
- 2 di Kedah (Langkawi).
- 1 di Johor (Tanjung Sedili).
- 1 di Kelantan (Kuala Krai).




Klinik Kesihatan Narandang, Kudat, Sabah.



Klinik Kesihatan Tunoh Scheme, Sarawak.



Klinik Kesihatan Bahagia, Kuala Krai, Kelantan.



PELAN HALA TUJU PERALIHAN TENAGA NEGARA (NETR)

NETR berfungsi sebagai pelengkap kepada Dasar Tenaga Negara dan boleh menyegerakan aspirasi Malaysia ke arah pelepasan karbon sifar bersih seawal tahun 2050.

NETR menggariskan 10 projek rintis perdana yang meliputi 19 modaliti pelaksanaan diterajui oleh kementerian, agensi dan syarikat swasta di bawah enam (6) pemacu peralihan tenaga.

Projek-projek perdana (flagship) telah bermula dan dipantau oleh Jawatankuasa Peralihan Tenaga Negara (National Committee on Energy Transition-NCET) yang telah bersidang buat kali pertama pada 27 November 2023. Selain itu, pelaksanaan projek NETR juga dipantau oleh Majlis Tenaga Negara yang telah bersidang pada 2 April dan 2 Ogos 2024.




Pelancaran *Voluntary Carbon Market* (VCM) untuk menggalakkan syarikat tempatan mengimbangi impak pelepasan karbon.



Projek Solar Berskala Besar ke-5, ‘Peralihan Tenaga SuRia’ atau ‘LSS PETRA,’ menawarkan 2,000 megawatt (MW) untuk bidaan, 2x kapasiti sebelum ini. Projek akan memulakan operasi pada tahun 2026.



Tenaga Nasional Bhd. (TNB) telah memulakan projek fotovoltan (PV) Hibrid Solar Terapung Hidro (HHFS) di tasik empangan hidronya dengan kapasiti 2,500 MW. Inisiatif ini dapat menyediakan solusi tenaga lestari dengan impak ekologi yang positif.



TNB merancang untuk mempercepat pelaksanaan HHFS dengan kapasiti 2,500 MW, bermula dengan 30 MW di Empangan Hidro Chenderoh (Perak), diikuti dengan lokasi di Empangan Hidro Temenggor (Perak) dan Kenyir (Terengganu).

INISIATIF PENYEDIAAN RUMAH MAMPU MILIK (RMM)





Penyediaan rumah yang berkualiti, kondusif, berdaya huni dan mampu milik untuk rakyat. Inisiatif ini disediakan untuk golongan B40 dan M40 dengan sasaran berjumlah 11,721 unit oleh Kerajaan MADANI pada 2024. Peruntukan yang disediakan bagi inisiatif ini berjumlah RM382,439,000.

Pencapaian

Sehingga Oktober 2024, sejumlah 9,715 unit RMM telah disiapkan.

PROGRAM PENYELENGGARAAN PERUMAHAN BERSTRATA

Program ini ditumpukan kepada aspek penyelenggaraan melibatkan perumahan berstrata awam kos rendah (Program Perumahan Rakyat (PPR) dan perumahan awam) serta perumahan kos rendah dan sederhana rendah swasta.

Pencapaian

Sehingga kini, 350 projek penyelenggaraan perumahan berstrata telah dilaksanakan.Seramai 376,911 orang penerima manfaat telah dikenalpasti melibatkan kos berjumlah RM146,400,000.



INISIATIF PENYEDIAAN DAN PENAMBAHBAIKAN PRASARANA ASAS LUAR BANDAR

Jalan Perhubungan Desa (JPD)

Program ini menyediakan jaringan jalan raya antara kampung, atau kampung dengan jalan raya utama yang bertujuan meningkatkan keselesaan perhubungan dan kualiti taraf hidup masyarakat luar bandar.

Pencapaian

Dari 2023 sehingga Oktober 2024, sebanyak 3,500 projek telah dilaksanakan melibatkan 500 km jajaran jalan.



Program Ameniti Sosial (PAMS)

Program ini menyediakan ameniti sosial untuk kegunaan komuniti setempat di luar bandar seperti dewan serba guna, padang berastaka, pagar, titi, longkang konkrit dan parit.

Pencapaian

Sehingga Oktober 2024, sebanyak 910 projek telah dilaksanakan.



Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB)

BELB merupakan kaedah sambungan grid alternatif seperti *solar hybrid*, mikro hidro serta pemasangan lampu jalan kampung bagi memastikan bekalan elektrik berterusan di kawasan luar bandar.

Pencapaian

Dari 2023 sehingga Oktober 2024, sebanyak 3,348 buah rumah telah menerima sambungan bekalan elektrik.



Bekalan Air Luar Bandar (BALB)

BALB bertujuan meluaskan liputan bekalan air bersih dan terawat ke rumah-rumah yang masih belum mendapat bekalan air.

Pencapaian

Sehingga Oktober 2024, sebanyak 11,201 buah rumah telah menerima sambungan bekalan air bersih dan terawat.



PROJEK MENAIK TARAF DAN MENYELENGARA SEKOLAH BANTUAN KERAJAAN





Bagi meningkatkan keselesaan pelajar dan memastikan persekitaran, infrastruktur dan kemudahan pembelajaran berada dalam keadaan kondusif, sebanyak RM654.29 juta telah disediakan pada tahun 2023 untuk penyelenggaraan sekolah kerajaan dan institusi pendidikan. Peruntukan ini telah memberikan manfaat kepada 8,131 sekolah kerajaan dan 48 institusi pendidikan lain termasuk kolej matrikulasi dan institut perguruan. Melihat kepada kejayaan pada tahun 2023, kerja-kerja penyelenggaraan tandas diperluaskan pada tahun 2024 kepada sekolah bantuan kerajaan dengan peruntukan sebanyak RM134.33 juta.

Pencapaian

Sehingga Oktober 2024, kerja-kerja penyelenggaraan tandas telah dilaksanakan di 1,821 sekolah bantuan kerajaan.

PROJEK PENYEDIAAN KEMUDAHAN MESRA OKU

Penyediaan kemudahan mesra OKU di 500 buah sekolah yang merangkumi empat kemudahan asas iaitu susur landai, susur tangan, parkir OKU dan tandas OKU untuk memberi sokongan bagi meningkatkan akses pendidikan dan infrastruktur kepada semua kategori Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) dan warga sekolah.

Pencapaian

Sehingga November 2024, seramai 18,392 murid MBPK di 616 buah sekolah telah mendapat manfaat dengan penyediaan kemudahan OKU di sekolah-sekolah terlibat.


Susur Tangan


Parkir OKU


Susur Landai


Tandas OKU

PROGRAM KAMPUNG ANGKAT MADANI

Program yang diperkenalkan pada tahun 2024 ini merupakan suatu pendekatan *Whole-of-Government* yang menyentuh denyut nadi rakyat. Usaha melengkapkan keperluan asas infrastruktur dan memberi bantuan kepada kampung yang masih ketinggalan dari segi kemudahan asas, bantuan kebajikan dan kesihatan adalah penting untuk memastikan pembangunan yang lebih menyeluruh dan inklusif bagi masyarakat luar bandar di Malaysia.

Penglibatan pelbagai pihak dilihat dengan fungsi dan peranan yang berbeza dapat membantu memenuhi keperluan sebuah kampung melalui komunikasi secara langsung dengan penduduk kampung bagi mengatasi permasalahan yang dialami. Sejumlah RM100 juta telah diperuntukkan di bawah Program Angkat MADANI dengan had maksimum RM2.5 juta bagi satu kampung angkat.

Pencapaian

Sehingga Oktober 2024, sebanyak 43 buah kampung di seluruh negara telah terpilih. Seramai 83,000 penduduk kampung mendapat manfaat daripada pelbagai projek yang relevan dengan keperluan sebenar penduduk.









INISIATIF PENAMBAHAN TEMPAT BERTEDUH PENUNGGANG MOTOSIKAL

Meningkatkan keselesaan dan keselamatan pengguna lebuh raya terutamanya penunggang motosikal yang paling terdedah kepada risiko keselamatan. Melalui program ini, risiko keselamatan terhadap penunggang motosikal di lebuh raya dikurangkan, memberikan perlindungan penunggang motosikal terutama semasa cuaca buruk. Ini akan dapat menambah baik keselesaaan dan perkhidmatan kepada pengguna lebuh raya.

Pencapaian

Sehingga November 2024, sebanyak 119 lokasi tempat berteduh telah disediakan untuk penunggang motosikal di sepanjang lebuh raya seluruh Malaysia.

INISIATIF LESTARI NIAGA

Inisiatif ini bertujuan membangun dan menaik taraf infrastruktur serta fasiliti penjaja di Wilayah Persekutuan. Fokus inisiatif adalah seperti yang berikut:

- Memperkasakan peniaga dan penjaja kecil meliputi pembangunan dan naik taraf infrastruktur; dan
- Pengiktirafan ke atas peranan dan sumbangan peniaga dan penjaja kecil kepada sumber pendapatan ekonomi negara.

Pencapaian

Sehingga Oktober 2024, sebanyak 98 projek telah siap dilaksanakan dengan kos RM52.7 juta.



13 lot unit gerai di Sungai Bedaun, Labuan.



5 unit Kiosk di Labuan Walk, Pusat Bandar Labuan.

PROJEK PEMBINAAN PORTAL TETINGKAP TUNGGAL EKOSISTEM STARTUP MALAYSIA (*MYSTARTUP SINGLE WINDOW*)

Portal MYStartup telah dinaik taraf kepada Platform Tetingkap Tunggal MYStartup di bawah Inisiatif Pelan Tindakan KL20. Platform ini mengintegrasikan program-program merentas kementerian dan agensi termasuk program pembiayaan dan pembangunan *startup* melalui koordinasi menyeluruh untuk manfaat syarikat pemula, pelabur mangkin dan pihak Kerajaan.

Platform ini merupakan sistem penyampaian tunggal awam yang tangkas dan kolaboratif serta menjadi titik utama kerjasama antara semua pemegang taruh dalam ekosistem *startup* negara. Syarikat-syarikat pemula dan bakat teknologi berdaftar menerima manfaat melalui akses kepada peluang pembiayaan, bimbingan daripada mentor berpengalaman, sumber pendidikan, rangkaian dengan pelabur, maklumat terkini mengenai acara, bengkel, dan program latihan yang membantu *startup* dalam pembangunan kemahiran dan pertumbuhan perniagaan.

Pencapaian

Jumlah Pengguna Berdaftar: 8,521
Jumlah Syarikat Pemula: 3,759
Bakat Teknologi: 3,901 orang

Bilangan Pelabur: 1,167 (97.1% pelabur swasta; 2.9% pelabur Kerajaan)






PROJEK *THE GURNEY BAY PENANG*

Projek *The Gurney Bay Penang* atau lebih dikenali sebagai *Gurney Wharf* adalah inisiatif untuk membangunkan taman rekreasi awam yang lengkap dengan kemudahan awam selaras dengan VISI PENANG 2030 dan *Sustainable Development Goals* (SDG).



Tujuan utama taman ini adalah untuk merealisasikan sebuah kawasan rekreasi yang menitikberatkan elemen-elemen seperti kebudayaan, komuniti masyarakat di samping mengekalkan identiti sebenar Pulau Pinang. Projek ini dilaksanakan secara berfasa. Fasa 1 telah siap dan dibuka kepada orang awam mulai 4 Februari 2024, manakala, Fasa 2 dijangka siap pada tahun 2025.

Taman dalam bandar di pesisir pantai buatan terbesar ini menawarkan pelbagai kemudahan rekreasi seperti kawasan permainan kanak-kanak, gelanggang papan selaju (skateboard rink), dek pemerhatian, tandas awam, persiaran untuk pejalan kaki, kiosk penjaja, kawasan runcit, surau dan tempat letak kereta bertingkat.



KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, tumpuan Kerajaan MADANI terhadap pembangunan infrastruktur yang menyeluruh ialah langkah penting dalam memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan dan kesejahteraan sosial yang inklusif. Dengan memodenkan rangkaian pengangkutan dan menaik taraf utiliti asas seperti air, elektrik, serta infrastruktur digital, kerajaan berusaha untuk menyediakan kemudahan yang lebih baik kepada seluruh rakyat, baik di kawasan bandar mahupun luar bandar. Ini bukan sahaja meningkatkan kualiti hidup, malah menyokong daya saing negara dalam era globalisasi yang semakin pesat.

Pendekatan MADANI yang bertunjangkan prinsip kemanusiaan, keterangkuman, dan keberdayaan, menjadikan pembangunan infrastruktur bukan sekadar projek fizikal semata-mata, malah suatu ikhtiar kerajaan untuk memperkukuhkan sistem sosial dan ekonomi negara. Melalui kerjasama antara kerajaan, sektor swasta, dan rakyat, aspirasi negara Malaysia MADANI yang lebih makmur, maju, dan harmoni dapat direalisasikan. Dengan komitmen dan usaha berterusan Kerajaan MADANI, Malaysia akan terus berkembang sebagai sebuah negara yang teguh dan siaga dalam menghadapi cabaran domestik dan global.



Reformasi Kerajaan MADANI telah melaksanakan agenda komprehensif pembaharuan institusi dan perkhidmatan awam untuk meningkatkan tadbir urus, ketelusan, dan kecekapan institusi negara. Kerajaan telah berusaha untuk mengurangkan birokrasi, membanteras rasuah, dan meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada rakyat. Reformasi ini bertujuan memperkukuh kepercayaan rakyat, meningkatkan keberkesanan institusi, dan memastikan bahawa institusi kerajaan dapat memenuhi kehendak masyarakat moden dan dinamik.

Kerajaan MADANI bertekad untuk melaksanakan reformasi yang akan mengubah cara institusi negara beroperasi bagi memastikan mereka lebih cekap, berintegriti, dan lebih responsif terhadap keperluan rakyat. Reformasi ini merangkumi pelbagai aspek, termasuk pengukuhan sistem perundangan, reformasi politik, peningkatan ketelusan dalam pentadbiran awam, serta pemerkasaan institusi-institusi seperti PDRM, agensi penguatkuasa, dan badan kehakiman.

Segmen ini menerangkan mengenai inisiatif utama pelaksanaan reformasi Kerajaan seperti Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) dan penubuhan Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS). Dalam konteks Kerajaan MADANI, reformasi institusi bukan sahaja tertumpu kepada perubahan struktur organisasi atau peraturan, tetapi juga melibatkan pembaharuan dalam amalan dan nilai yang lebih terangkum, telus dan bertanggungjawab.

REFORMASI INSTITUSI DAN PERKHIDMATAN AWAM



SISTEM SARAAN PERKHIDMATAN AWAM (SSPA)

Kerajaan MADANI prihatin dalam perihal kebajikan penjawat awam dan telah memperkenalkan SSPA bagi menangani cabaran-cabaran semasa yang dihadapi oleh perkhidmatan awam melibatkan:

- Pendapatan boleh guna penjawat awam tidak seiring dengan peningkatan kos sara hidup semasa;
- Keperluan meningkatkan produktiviti perkhidmatan awam;
- Bebanan tanggungan fiskal Kerajaan bagi pembayaran emolumen dan faedah persaraan penjawat awam yang meningkat; dan
- Keperluan untuk memantapkan pembudayaan nilai dan integriti penjawat awam.

Sebanyak 18 penambahbaikan telah dilaksanakan dalam Fasa 1 pada tahun 2024 yang meliputi tujuh (7) inisiatif skop kemampanan saraan, lima (5) inisiatif skop pembangunan organisasi dan enam (6) inisiatif skop pengurusan bakat. Pekeliling Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) telah diperkenalkan pada 13 September 2024 dan berkuat kuasa mulai 1 Disember 2024.

Pencapaian

Meningkatkan kemampanan saraan kepada 1.5 juta penjawat awam dan merangka satu sistem pengurusan prestasi yang lebih komprehensif.





PANGKALAN DATA UTAMA (PADU)

PADU merupakan pangkalan data utama yang mengintegrasikan data pentadbiran daripada pelbagai agensi kerajaan dan data yang dikemas kini oleh warganegara dan pemastautin tetap berumur 18 tahun ke atas bagi mewujudkan profil data semua individu dan isi rumah rakyat Malaysia. Ia merupakan pendekatan strategik kerajaan dalam memantapkan tadbir urus negara ke arah mewujudkan satu ekosistem yang komprehensif, sistematik dan berpandukan data.

Pencapaian

PADU mengandungi profil bagi 30.1 juta individu warganegara dan pemastautin tetap di Malaysia.





Pengukuhan kedudukan fizikal

Pengukuhan kedudukan fiskal melalui pelaksanaan dan penentuan kaedah pemberian subsidi yang lebih bersasar.



Peralihan kumpulan pendapatan

Peralihan pengelasan kumpulan pendapatan kepada pendapatan boleh guna bersih berbanding kumpulan B40, M40 & T20.



Penentuan kumpulan sasar

Penentuan kumpulan sasar yang lebih tepat dan wajar serta memenuhi objektif pelaksanaan sesuatu dasar melalui data PADU.



Pengemaskinian data kumpulan sasar

Set data kumpulan sasar yang terkini dan sentiasa dikemas kini dalam sistem PADU yang berasaskan data *near real time*.

PINDAAN AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974 [AKTA 127] FASA 1

Inisiatif pindaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127] dilaksanakan bagi meningkatkan aspek penguatkuasaan pihak kerajaan dalam isu jenayah alam sekitar. Pindaan kali ini memberi keutamaan kepada hukuman, denda dan penalti melalui pewujudan denda minimum dan maksimum jika disabitkan kesalahan di bawah akta ini.

Pencapaian

Menerusi inisiatif ini, Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2024 telah berjaya diwartakan pada 6 Jun 2024 dan telah berkuat kuasa mulai 7 Julai 2024. Pindaan utama yang terlibat ialah:

Mewujudkan denda yang lebih tinggi bagi mengenakan hukuman yang setimpal kepada penjenayah alam sekitar.

PENINGKATAN DENDA

Memberi isyarat jelas bahawa kerajaan memandang serius dalam mengawal pencemaran alam sekitar dan mengurangkan pelepasan gas rumah kaca.

PENINGKATAN KAWALAN PENCEMARAN

Memperkasa fungsi Jabatan Alam Sekitar (JAS) sebagai agensi bertanggungjawab.

PEMERKASAAN FUNGSI PENGUATKUASAAN

DENDA MINIMUM
RM5,000
Nilai minimum julat kadar denda pesalah alam sekitar

DENDA MAKSIMUM
RM10juta
Denda maksimum bagi kesalahan
- Pencemaran air
- Buangan sisa minyak di perairan Malaysia
- Buangan di perairan Malaysia
- Pelupusan haram buangan terjadual

NILAI KOMPAUN
Jumlah tawaran kompaun dinaikkan daripada RM2,000 kepada tidak melebihi
50%
daripada jumlah penalti maksimum yang diperuntukan bagi kesalahan.

PENJARA
5 TAHUN
Tempoh maksimum penjara mandatori ditetapkan bagi kesalahan
- Pencemaran air
- Kegagalan menyediakan laporan EIA
- Kegagalan mematuhi Perintah Larangan

PROGRAM SMART SAWAH BERSKALA BESAR (SBB) ALA SEKINCHAN

Inisiatif Kerajaan MADANI menerusi kerjasama strategik awam swasta dan pesawah telah mengaplikasikan amalan penanaman padi terbaik di kawasan Sekinchan, Selangor untuk dilaksanakan di seluruh negara.

Pencapaian

SMART SBB dapat dimanfaatkan kepada seramai 11,244 orang pesawah melibatkan kawasan seluas 35,348.17 hektar dengan purata hasil 7 hingga 10 tan metrik per hektar. Program ini turut dapat mengurangkan Kehilangan Hasil Lepas Tuai (KLT) dan mengurangkan peranan 'orang tengah'.

Kg. Lat 1000, Perlis
MADA
97.70 hektar
28 orang pesawah
Hasil Padi: 10.45 mt/ha

Kg. Tok Mengkula, Kedah
MADA
75.268 hektar
51 orang pesawah
Hasil Padi: 7.00 mt/ha

Kg. Grai, Terengganu
IADA KETARA
65.60 hektar
35 orang pesawah
Hasil Padi: 7.00 mt/ha

PENDIGITALAN KAD ORANG KURANG UPAYA (OKU)

Pendaftaran OKU secara dalam talian yang dikenali sebagai pendigitalan kad OKU adalah bagi meningkatkan dan memudahkan proses pendaftaran OKU di Malaysia.

Memastikan keselamatan kad OKU Digital terjamin kerana ciri-ciri pada kod QR tidak boleh diciplak dan sebagai penambahbaikan kepada kad fizikal.

Kad OKU Digital secara kod QR dapat diperoleh dengan cepat dalam tempoh 24 jam melalui dalam talian selepas diluluskan. Kad secara fizikal juga akan dicetak dengan kod QR bagi kemudahan kepada OKU.





Pencapaian

Sehingga Oktober 2024, seramai 740,844 orang OKU telah berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan disediakan Kad OKU Digital melalui kod QR.

PENUBUHAN FAKULTI KECERDASAN BUATAN (ARTIFICIAL INTELLIGENCE - AI) UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM)

Pusat pengajian kecerdasan buatan pertama negara iaitu Fakulti Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence - AI) di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) telah ditubuhkan bagi memperhebat penerokaan bidang AI merentas disiplin ilmu. Majlis pelancaran penubuhan Fakulti AI telah diadakan pada 10 Mei 2024 semasa program Malaysia AI Nexus. Ia merupakan satu inisiatif Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) yang dioperasikan oleh UTM dan dilaksanakan melalui model konsortium.



Pencapaian

Fakulti AI ini telah menerima 101 orang pelajar kohort pertama program Sarjana Muda Kecerdasan Buatan dengan Kepujian pada bulan Oktober 2024.



PENGGUBALAN AKTA AKPS: MENINGKATKAN KAWALAN DAN PERLINDUNGAN SEMPADAN MALAYSIA

Program ini melibatkan inisiatif memperkasa keselamatan negara di samping memastikan kelancaran proses kawalan pengurusan sempadan berjalan dengan cekap dan teratur serta lebih bersepadu penggubalan pindaan akta. Akta Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS) merupakan akta yang memberi mandat kepada AKPS dalam proses pengoperasian meliputi mengawal, memantau dan melaksanakan operasi keselamatan di sempadan Malaysia. Tujuannya adalah untuk mencegah jenayah lintas sempadan seperti penyeludupan, pemerdagangan manusia, dan penyeludupan barangan haram, sekali gus memastikan kedaulatan negara terpelihara.

Pelaksanaan akta ini seiring dengan aspirasi Malaysia MADANI, yang menitikberatkan kesejahteraan rakyat, kemampanan ekonomi dan nilai-nilai kemanusiaan. Ia bukan sahaja melindungi kedaulatan negara tetapi juga memastikan Malaysia kekal sebagai destinasi yang aman dan berdaya saing di peringkat global.







PROGRAM ANAK KITA



Program Anak Kita dengan peruntukan RM100 juta adalah satu inisiatif Belanjawan 2024 yang telah dilancarkan pada bulan September 2024 untuk membantu murid yang tercicir dari segi pembelajaran akibat daripada penutupan sekolah selama 174 hari dari tahun 2020 hingga tahun 2022 akibat pandemik Covid-19.

Pelaksanaan reformasi pendidikan ini merangkumi tiga pengisian iaitu Program 3M (Membaca, Mengira dan Menulis), Program Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Program Murid Cicir.



Program 3M membabitkan 53,252 orang murid pemulihan khas tahun dua (2) hingga enam (6) daripada negeri Johor, Perak, Selangor, Kelantan, Kedah, Sabah dan Sarawak manakala Program SPM di seluruh negara merangkumi 10,000 orang murid Tingkatan Lima (SPM 2024) serta 20,000 orang murid Tingkatan Empat (SPM 2025). Program Murid Cicir membabitkan 500 orang murid keciciran daripada enam (6) negeri iaitu Selangor, Kedah, Johor, Pahang, Sabah dan Sarawak.

Program ini merupakan usaha kolektif Kementerian Pendidikan, Kementerian Kewangan, Badan Bukan Kerajaan Non- Governmental Organisation, Pertubuhan Masyarakat Sivil (Civil Society Organisation), Universiti Awam, Syarikat Berkaitan Kerajaan (Government-Linked Companies - GLCs) termasuk syarikat korporat swasta dan organisasi antarabangsa untuk memastikan golongan murid cicir dapat bangkit semula dengan kesungguhan dan iltizam baru.

Pencapaian

- 83,753 orang murid daripada 3,458 buah sekolah menyertai Program Anak Kita; dan
- Bank Dunia, United Nations Children's Fund (UNICEF) dan United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO) dilibatkan dalam proses pembangunan dan pemantauan program.



KOLABORASI STRATEGIK JELAJAH ANTI-SCAM KEBANGSAAN 2023/2024

Program Jelajah Anti-Scam Kebangsaan (JASK) bertujuan memberikan maklumat kepada orang ramai dan memupuk kesedaran khususnya dalam memahami jenayah scam dan penipuan dalam talian selain menyokong dan membantu Kerajaan dalam menangani isu-isu berkaitan jenayah scam dan penipuan dalam talian yang semakin berleluasa.



Program yang melibatkan kerjasama pelbagai pihak termasuk awam, swasta dan masyarakat ini telah mula dilaksanakan pada tahun 2023 di enam (6) negeri iaitu Selangor, Perlis, Sabah, Sarawak, Kelantan dan Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur dan Putrajaya).

Pada 2024, program ini diteruskan di tiga (3) negeri iaitu Johor, Kedah dan Perak.

Pencapaian

- 7,760 peserta menyertai JASK 2023 di enam (6) lokasi.
- Sehingga November 2024, seramai 3,846 peserta hadir ke JASK 2024 melibatkan dua (2) negeri iaitu di Johor dan Kedah.







PINDAAN AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 [AKTA 709]

Pindaan Akta 709 bertujuan memperluas serta memperkukuh skop perlindungan data peribadi yang diproses di Malaysia serta memastikan peruntukan Akta adalah setaraf dengan perundangan dan amalan antarabangsa bagi menjamin perlindungan data peribadi rakyat Malaysia.

Pencapaian

Akta 709 telah diwartakan pada 17 Oktober 2024.





KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, reformasi institusi dan perkhidmatan awam yang dilaksanakan oleh Kerajaan MADANI merupakan langkah penting dalam mempertingkatkan tadbir urus negara dan memperkukuh kepercayaan rakyat terhadap kerajaan. Usaha-usaha juga telah dilaksanakan bagi memastikan institusi negara sentiasa relevan dan berdaya saing dengan mengurangkan kerenah birokrasi, menambah baik perundangan dan tata kelola, memperkukuh kualiti penyampaian melalui pendigitalan perkhidmatan dan kerjasama sektor awam swasta. Inisiatif strategik ini berupaya mewujudkan sistem pentadbiran yang lebih efisien, telus dan bertanggungjawab.

Reformasi institusi Kerajaan MADANI adalah langkah tegas ke arah memperbaiki tadbir urus negara, memperkukuh integriti dan akauntabiliti serta menjamin keadilan dan kesejahteraan rakyat. Dengan melaksanakan pembaharuan yang menyeluruh, Kerajaan MADANI berhasrat untuk membangunkan Malaysia sebagai sebuah negara yang lebih progresif dan demokratik berasaskan prinsip MADANI iaitu keadilan, kesejahteraan, dan kemakmuran untuk semua.

PENUTUP

MADANI di Hati, Rakyat Disantuni memberi gambaran yang tepat terhadap tekad Kerajaan MADANI untuk memastikan rakyat benar-benar menikmati manfaat dalam setiap ikhtiar yang diusahakan. Sepanjang tahun kedua pentadbiran, Kerajaan MADANI cekal mendaya upaya penyampaian perkhidmatan dengan mempercepat pelaksanaan inisiatif untuk menaikkan siling ekonomi menerusi pertumbuhan yang positif dan aktiviti yang rancak, sekali gus menaikkan taraf dan darjat hidup rakyat. Penyampaian perkhidmatan ini berkesinambungan daripada proses reformasi, penstrukturan semula ekonomi dan pentadbiran, serta pemantapan tata kelola yang diutamakan dalam tahun pertama pentadbiran Kerajaan MADANI.

Perjalanan pentadbiran Kerajaan MADANI dalam melaksanakan reformasi dan pembaharuan bukanlah sesuatu yang mudah dan kadangkala berliku. Cabaran utama adalah untuk memastikan seluruh rakyat Malaysia termasuk penjawat awam, memahami hasrat dan aspirasi yang perlu dicapai. YAB Perdana Menteri acapkali memberi penekanan agar penjawat awam dan rakyat melakukan anjakan paradigma dan tidak memfokuskan hal-hal bersifat titik bengik (remeh-temeh) supaya matlamat sebenar untuk memperkasakan rakyat dan memajukan negara tidak tersasar.

Selain itu, keadaan era pascanormal (post-normal times) yang penuh dengan ketidaktentuan, konflik dan cabaran yang rumit menuntut Kerajaan MADANI mengambil pendekatan yang lebih holistik, pragmatik dan inklusif bagi mendepani cabaran tersebut. Dalam konteks ini, agenda Malaysia MADANI berjaya menyediakan kerangka dasar yang berkesan dan kalis masa hadapan dalam mendepani dunia moden yang penuh getir. Justeru, dalam melangkah ke tahun ketiga pentadbiran, Kerajaan MADANI beriltizam meneruskan usaha-usaha pengukuhan penyampaian perkhidmatan agar nikmat pembangunan negara dapat dikecapi setiap rakyat.

Di peringkat antarabangsa, Kerajaan MADANI akan terus melaksanakan strategi-strategi untuk mengukuhkan dan meningkatkan hubungan dagang Malaysia dengan negara-negara luar di samping menonjolkan kepemimpinan negara di peringkat global, sejajar dengan ketokohan YAB Perdana Menteri sebagai salah seorang pemimpin berpengaruh di pentas antarabangsa. Usaha Kerajaan MADANI untuk menyertai dan mengukuhkan hubungan dengan negara-negara anggota BRICS (Brazil, Rusia, India, China, dan Afrika Selatan), umpamanya, dilihat sebagai langkah strategik yang dapat menarik lebih banyak pelaburan asing, membuka peluang perdagangan baharu, dan menggalakkan kerjasama dalam teknologi, infrastruktur serta sumber tenaga yang secara tidak langsung akan meningkatkan daya saing Malaysia di peringkat antarabangsa.

Tahun 2025 ialah tahun yang penting dan bermakna apabila Malaysia mengambil alih Kepengerusian ASEAN. Dengan tema “Keterangkuman dan Kemampanan”, Kerajaan MADANI akan menonjolkan kepemimpinan Malaysia untuk membawa ASEAN ke peringkat yang lebih tinggi dengan pengukuhan kerjasama supaya kemajuan dikongsi bersama tanpa ada yang tertinggal. ASEAN ialah platform penting bagi memperkukuh ekonomi negara yang dapat mewujudkan lebih banyak peluang perniagaan dan meningkatkan daya saing produk Malaysia di pasaran serantau serta global.

Pada masa yang sama, Kerajaan MADANI cekal meneruskan agenda reformasi dan meneroka langkah-langkah menambah baik penyampaian perkhidmatan awam. Kerajaan akan memastikan kelancaran

pelaksanaan ikhtiar-ikhtiar yang digariskan dalam Belanjawan 2025 untuk mencapai setiap penanda aras Ekonomi MADANI. Iltizam “Membugar Ekonomi, Menjana Perubahan dan Mensejahtera Rakyat” akan terus menjadi aspirasi Kerajaan MADANI dalam melangkau tahun ketiga pentadbiran.

Selari dengan visi YAB Perdana Menteri, Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam akan terus diperkasa berpandukan lima Teras Bidang Keberhasilan, iaitu Penghayatan Nilai dan Tatakelola, Pembangunan Modal Insan, Pembangunan Organisasi, Penyampaian Perkhidmatan dan Memperkasakan Sinergi Awam dan Swasta. Seluruh jentera pentadbiran kerajaan akan digerakkan menerusi *Associated and Integrated Strategy* yang merangkumi pendekatan keseluruhan Malaysia (Whole-of-Nation) dengan penglibatan sektor swasta dan masyarakat serta pendekatan keseluruhan kerajaan (Whole-of-Government) dalam menjayakan matlamat agenda Malaysia MADANI.
Pada masa yang sama, Kerajaan MADANI kekal istiqamah dalam agenda transformasi digital bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan awam kepada rakyat, menjunjung tekad: **MADANI di Hati, Rakyat Disantuni.**



GLOSARI

AKRONIM	MAKSUD	AKRONIM	MAKSUD
AI	*Artificial Intelligence*	KWAPM	Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin
ASEAN	*Association of Southeast Asian Nations*	LTHO	*Long Term House Owner*
BSN	Bank Simpanan Nasional	MAIWP	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan
DBKL	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	MAPO	Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran
DDI	*Domestic Direct Investment*	MITRA	Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia
DGP	Dasar Gaji Progresif	MRTA	*Mortgage Reducing Term Assurance*
FDI	*Foreign Direct Investment*	MRTT	*Mortgage Reducing Term Takaful*
FELDA	*Federal Land Development Authority*	NCET	*National Committee on Energy Transition*
GSSK	Geran Sokongan Sektor Kebudayaan	NETR	Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara
GSSP	Geran Sokongan Sektor Pelancongan	NIMP	*New Industrial Master Plan*
ILJTM	Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia	OKU	Orang Kurang Upaya
ILKA	Institusi Latihan Kemahiran Awam	PA	Perumahan Awam
IPR	Inisiatif Pendapatan Rakyat	PDRM	Polis Diraja Malaysia
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam	PERKESO	Pertubuhan Keselamatan Sosial
ISM	Institut Sosial Malaysia	PJS	Pesuruhjaya Sukan Malaysia
JAPEN	Jabatan Penerangan Malaysia	PKS	Perusahaan Kecil dan Sederhana
JHEKS	Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja Malaysia	PSSS	Pusat Sokongan Sosial Setempat
JIM	Jabatan Imigresen Malaysia	PUJI	Program Usaha Jaya Ihsan
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat	ROY	*Registrar of Youth*
JPKK	Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung	SARA	Sumbangan Asas Rahmah
JPKKP	Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Persekutuan	SJKP	Skim Jaminan Kredit Perumahan
JTM	Jabatan Tenaga Manusia	SJPP	Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan
JWP	Jabatan Wilayah Persekutuan	SKSSR	Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah
KIR	Ketua Isi Rumah	SSPA	Sistem Saraan Perkhidmatan Awam
KPK	Kementerian Perladangan dan Komoditi	STR	Sumbangan Tunai Rahmah
KPT	Kementerian Pendidikan Tinggi	tCO2eq	Tan Karbon Dioksida Setara
KPWKM	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	UTM	Universiti Teknologi Malaysia
KRT	Kawasan Rukun Tetangga	YSS	Yayasan Sukarelawan Siswa



e ISBN 978-967-2167-46-4



www.malaysiamadani.gov.my